# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN BIN MANAN MENGENAI WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:-


MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN 2012929109

NUR FARAH AMALINA BT MOHAMAD RUJAHAN 2012777555


IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN)

PENGURUSAN REKOD

IM246


FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM



SEMESTER 5 (MAC 2015-JULAI 2015)

JUN 2015

# PENGHARGAAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum w.b.t

Syukur ke hadrat Illahi keatas limpah kurniaNya. Kami ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan dengan penuh kasih sayang segala penghargaan kami terhadap rezeki yang kami perolehi sepanjang menjalani kehidupan sebagai pelajar di UiTM Puncak Perdana. Pertama sekali, kami ingin menyampaikan salam sayang dan syukur kepada ibu bapa dan keluarga kerana tidak putus putus memberikan sokongan kepada kami dalam pendidikan kami dan kerana sentiasa memahami keadaan kami yang bersusah-payah belajar dan berusaha keras untuk masa depan yang cerah in shaa Allah. Untuk mereka yang tidak memaksa keadaan dan menerima apabila kami tidak boleh pulang kerumah kerana komitmen yang terlalu tinggi kepada tanggungjawab di tempat belajar dan tidak pernah merungut apabila kami terlalu sibuk dikampus. Akhir sekali ucapan terima kasih tak terhingga untuk Encik Nazir bin Ahmad yang tersayang, kerana sentiasa memberikan senyuman manis, membuatkan kami tertawa, memahami kami, menasihati kami untuk setiap perkara, menjadi bapa yang tak akan terjumpa di tempat lain. Terima kasih En Nazir untuk segalanya. Pengalaman di Puncak Perdana ini tidak akan menjadi begitu indah tanpa En Nazir dalam hidup kami. Terima kasih untuk kebaikan, kasih sayang dan segala memori yang telah kita cipta bersama.

Sekian, dengan rasa sayang

# BIODATA PENEMUBUAL

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN



Nama : Mohd Muhaimin bin Ahmad Jalaludin

Alamat :

No. Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Rekod (Kepujian)

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN



Nama : Nur Farah Amalina bt Mohamad Rujahan

Alamat :

No. Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Rekod (Kepujian)

# BIODATA TOKOH

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN



| | |
|---|---|
| NAMA | : Sulaiman bin Manan |
| NAMA PANGGILAN | : Pak Sulaiman |
| UMUR | : 52 tahun |
| TARIKH LAHIR | : 31 Julai 1964 |
| TEMPAT LAHIR | : |
| ALAMAT | : |
| NO. TELEFON. | |
| STATUS | : BERKAHWIN |

**PENDIDIKAN**

- o DARI TAHUN 1971 HINGGA 1976 DI SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT LINTANG
- o DARI TAHUN 1977 HINGGA 1981 DI SEKOLAH MENENGAH SRI MAHKOTA

# ABSTRAK

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Sulaiman bin Ahmad mengenai pengalaman beliau dalam bidang pembuatan dan pengendalian kereta lembu Transkrip ini mengandungi maklumat mengenai latar belakang beliau dari segi keluarga dan juga penglibatan beliau di dalam bidang ini. Encik Sulaiman juga merupakan salah seorang aktivis kereta lembu yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan Malaysia agar warisan kereta lembu ini dapat dikekalkan sebagai salah satu aset negara. Encik Sulaiman mula berkecimpung dalam bidang pembuatan dan pengendalian kereta lembu ini sejak dari zaman sekolah lagi. Ini juga kerana bapanya sendiri, Encik Ahmad merupakan salah seorang pembuat kereta lembu yang berpengalaman di Melaka. Jadi dari situ, minat dan kemahiran yang diperoleh sekarang secara tidak langsung merupakan kemahiran yang telah diwarisi dari bapanya.

Selain mewarisi kemahiran pembuatan kereta lembu dari bapanya, Encik Sulaiman juga sering mempelajari cara dan teknik mengendalikan kereta lembu daripada abangnya sendiri. Ini adalah kerana abangnya juga merupakan salah seorang pengendali kereta lembu yang berpengalam di Melaka. Pada masa mudanya, Encik Sulaiman sering mengikuti abangnya semasa mengajar lembu untuk dijadikan sebagai lembu yang akan digunakan di kereta lembu. Di dalam transkrip ini juga beliau ada menceritakan tentang proses pembuatan kereta lembu, jenis-jenis bahan yang digunakan, kos pembuatan, cara pemilihan lembu, dan pengalaman beliau selama berkecimpung dalam bidang warisan ini.

# SENARAI SINGAKATAN PERKATAAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Berikut adalah senarai singkatan yang terdapat didalam temubual bersama Encik Sulaiman:

| BIL | SINGKATAN | NAMA |
|---|---|---|
| 1. | MM | Mohd Muhaimin |
| 2. | NFA | Nur Farah Amalina |
| 3. | ES | Encik Sulaiman |
| 4. | UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| 5. | LCE | Lower Certificated of Education |
| 6. | SPM | Sijil Penilaian Menengah |

# PENGENALAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Dokumentasi Lisan (IMR604) ialah satu subjek yang memerlukan pelajar untuk melaksanakan satu sesi temuramah bagi memenuhi keperluan kursus. Temuramah ini adalah bertujuan untuk menemubual tokoh atau orang perseorangan yang arif tentang sesuatu bidang samaada dalam industri pembuatan, pemasaran dan juga pengalaman dalam sesuatu bidang yang diceburi. Kami telah bersepakat memilih salah seorang individu yang masih menyumbang dan mengekalkan warisan kereta lembu di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. Beliau adalah Encik Samsudin Haji Abdul. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab dalam pembuatan kereta lembu di Melaka.

Dalam dunia moden yang pesat dengan pembangunan, ramai yang sudah lupa tentang sejarah-sejarah atau warisan yang masih ada dan harus dipelihara untuk generasi akan datang. Warisan yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita seharusnya dipelihara dan dikekalkan bukan hanya untuk generasi muda malah sebagai satu harta negara yang amat bernilai. Ini adalah kerana, warisan kita adalah hasil peninggalan orang dahulu yang telah menjadikan ianya suatu identiti negara yang harus diteruskan. Ramai tidak sedar, mereka seharusnya menghargai peninggalan yang telah diwariskan kerana tanpa mereka sedar, tanpa warisan atau tinggalan ini, mereka tidak mungkin akan dapat mengecapi apa yang ada dalam dunia sekarang.

Salah satu warisan yang masih wujud di Malaysia dan secara khususnya di Melaka adalah kereta lembu. Ianya adalah tanpa sedar satu peninggalan yang menjadi saksi negara kita juga melalui fasa-fasa perubahan dalam bidang pengangkutan.

Kereta lembu merupakan kenderaan dua roda yang ditarik oleh lembu. Ia merupakan pengangkutan yang digunakan sejka masa silam lagi di kebanyakkan tempat di dunia. Kereta lembu ini masih digunakan sehingga ke hari ini walaupun semakin banyak kenderaan moden yang dicipta. Kereta lembu di Melaka digunakan sebeleum kereta digunakan dan sehingga sekarang masih ada yang digunakan, termasuk kereta lembu pembawa penumpang.

Pada masa kini ia digunakan terutama sebagai tarikan pelancong. Kereta lembu yang membawa peumpang biasanya dilengkapi dengan atap sebagai perlindungan dari terik matahari dan hujan, dan ia sering kali dicat dengan warna terang dan ceria. Ianya bertujuan sebagai salah satu cara untuk menampakkan kereta lembu lebih unik dan dapat menarik minat pelangcong

samada pelancong tempatan atau asing untuk mendekati dan merasai sendiri pengalaman menaiki kereta lembu.

Kereta lembu yang ditarik oleh seekor lembu kebiasaannya pada masa dahulu digunakan oleh golongan kebanyakkan untuk kegunaan mengakut barangan-barangan seperti hasil pertanian dan balak. Rangka kereta lembi ini dipasang pada lembu penarik dengan menggunakan rantai khas yang diikat pada kayu gandar, tetapi tali sahaja yang digunakan pada seekor atau dua lembu. Manakala, pemandu dan pengiring barangan akan duduk di bahagian hadapan dan beban akan dimuatkan di belakang.

# KAJIAN LITERATUR

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Kereta lembu merupakan warisan pengangkutan tradisional yang menjadi lambang kemegahan Negeri Melaka. Diperkenalkan sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 oleh saudagar-saudagar India. Bentuk kereta lembu Melaka menyerupai "Wagon" di Amerika pada zaman dahulu yang ditarik oleh kuda. Kereta lembu pada dasarnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu badan, roda, gandar dan kajang. Kini, penggunaan kereta lembu tidak digalakkan di kawasan bandar kerana ia boleh menyebabkan kesesakan lalu-lintas. Walau bagaimanapun ia tetap digunakan di kawasan-kawasan luar bandar untuk mengangkut padi, kayu api, rumput, perabut dan sebagainya. Sekali-sekala apabila Pesta Kebudayaan diadakan kita berpeluang menyaksikan kereta-kereta lembu yang dihiasi indah lengkap dengan gong dan tambor melintasi Bandar Melaka menuju ke tempat pesta.

Dahulunya, kereta lembu digunakan sebagai pengangkutan oleh orang-orang kaya di Melaka. Ciri-ciri yag membezakan kereta lembu di Melaka ini dengan yang lain adalah bumbungnya yang berbentuk seperti tanduk lembu yang berwarna-warni.

Selain dari kereta lembu yang digunakan di Melaka pada zaman Abdullah dan sebelumnya itu, terdapat juga keterangan mengenai kereta kerbau atau pedati kerbau. Pada kebiasaanya pedati ini digunakan di kawasan bandar dan persekitarannya sahaja bagi tujuan menarik barang-barang. Abdullah ada menggambarkan pedari kerbau yang digunakan di zamannya dengan menceritakan bahawa:

*"Maka dengan seketika itu juga diberinya perintah menyuruh bawa mayat itu, lalu dimasukkannya ke dalam pedati kerbau, maka disuruhnya canangkan berkeliling negeri..."*

Kereta kerbau ini didapati digunakan sehingga ke pertengahan abad ke-20. Ianya dimonopoli oleh orang Cina yang tinggal di bandar Melaka, bagi tujuan menarik barang-barang seperti papan, beras, batu-bata dan sebagainya dalam lingkungan perbandaran sahaja. Di kawasan kampung-kampung dikalangan petani Melayu kereta ini tidak digunakan.

Pada asalnya, sebelum kewujudan kereta-kereta beroda di kalangan masyarakat petani di kampung-kampung, mereka telah tahu menggunakan sejenis sistem pengangkutan yang dipanggil "bentang". Kereta bentang ini tiada beroda dan ditarik olen binatang seperti kerbau dan lembu.

Penggunaan sistem pengakitan ini bertujuan untuk faedah diri sendir seperti menarik padi, kayu api dan barang lain yang berat-berat. Kenderaan ini biasanya dapat dilihat di sawah padi dan dusun terutama dalam tahun 1880-an. Namun pada masa kini, kereta kerbau atau pedati kerbau tidak lagi digunakan.

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN
NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

**Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama dengan Encik Sulaiman bin Manan mengenai warisan kereta lembu di Melaka. Wawancara ini dikendalikan oleh Mohd Muhaimin bin Ahmad Jalaludin dan Nur Farah Amalina bt Mohamad Rujahan. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.**

**MM: Okay -- assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.**

ES:Waalaikummusalam

**MM: Okay |aaa| jadi encik sulaiman ea. Boleh saya panggil - pak cik?**

ES: Pak cik boleh.

**MM: Pak cik ya. Jadi hari ni (ini) saya akan menemu- menemubual aaa pak cik tentang warisan dan pembuatan kereta lembu. Okay[baiklah] jadi saya nak tanya, sudah berapa lama pak cik menetap di Melaka?**

ES: Pak cik menetap di Melaka sejak lahir lah. [bunyi kertas terselak]

**MM: Ohh sejak lahir di sini ea. Okay|baiklah| -- berapa tahun dah |sudah|?**

ES: 52 tahun. Pak cik dilahirkan 1964.

**MM: Jadi aaa jadi - pak cik adalah anak jati Melaka lah?**

ES:Mm-hm[berfikir] anak jati Melaka.

**MM: Aaa adakah isteri pak cik jugak |juga| dari Melaka?**

ES: Isteri pak cik kalau nak cerite[cerita] sejarah isteri ni [ini] kang [nanti] daripada Melaka ada, daripada tu [itu] ada, kita amik [ambil] yang ringkas ni satu ye [sahaja] dak [tidak]. Yang ada je [sahaja] ler[lah]. Isteri pak cik yang ni [ini] berasal daripade[daripada] Kelantan. Jeli.

**MM: Okay [baiklah] berapa orang anak yang pak cik [berapa orang anak yang pak cik ada]?**

ES: Anak pak cik empat orang. Satu dah [sudah] berkahwin, lima orang lah lima orang termasuk anak angkat seorang. [bunyi ayam berkokok]

**MM: Jadi boleh saya tahu name[nama] anak pak cik?**

ES: Boleh. Satu yang tua kepada bini [isteri] yang nombor satu, Zuraidah bt Sulaiman. Anak angkat tu [itu] yang kire[kira] sebelum yang ni [ini] ada amik [ambil] anak angkat dua lah kira. Aini Zainida, pahtu [selepas itu] Shahidah, selepas tu [itu] Mohamad Ikram--. Mohamad Ikram. Aaa satu lagi Mohd Shah, anak angkat jugak [juga].

**MM: Baiklah anak-anak pak cik semuanya lahir dan membesar di Melaka?**

ES: Di Melaka.

**MM: Kesemuanye[kesemuanya]?**

ES: Kesemuanya.

**MM: Adakah anak pak cik turut terlibat dalam bidang pembuatan kereta lembu?**

ES: Tak [tidak] ade [ada]. Yang kecik sekali tu [itu] baru enam tahun, lelaki. Yang itu ler[lah] warisnya kalau ler[lah][lah] ada umur. Kalau tak [tidak] de [ada] umur, tak [tidak] de [ada] ler[lah][lah]. Terpadam ler[lah][lah] benda ni [ini]. Tak [tidak] de [ada] mewarisi.

**MM: Cuma seorang sahaja lah lelaki?**

ES: (mengangguk)

**MM: Adakah pak cik memilih untuk menetap di sini?**

ES: Memang tak [tidak] de [ada] pilihan lain la. Memang tempat tanah tumpah darah kite [kita] kan. Lagi pun tanah ni [ini] kite [kita] duduk tanah pusake[pusaka].

**MM: Jadi sekiranya sekiranya macam seperti pak cik cakap tadipak cik hanya ada anak lelaki seorang. Jadi sekiranya anak pak cik tak [tidak] tak [tidak] meneruskan warisan yang pak cik buat ni [ini], jadi adakah pak cik akan aaa mungkin mengajar orang lain atau cuba turunkan kepada orang lain ke?**

ES: Kite [kita] nak nak juge [juga] menurunkan pak cik pada generasi muda tapi dorang [mereka] tak [tidak] berminat. Nombor satu kite[kita] tak [tidak] ade [ada] kemudahan umpama kite [kita] nak [hendak] memotong tu [itu] kite [kita] tak [tidak] ade [ada] mesin.Budak-budak sekarang mana nak [hendak] ikot [ikut] care-care[cara-cara] manual dorang [mereka] sume [semua] nak [hendak]yang pantas aje [sahaja]. Kalau kerat [potong] kayu tu [itu] mungkin dorang [mereka] tak [tidak] nak. Ritu [hari itu] dah [sudah] itu juge [juga] dorang [mereka] tak [tidak] itu, dorang [mereka] tak tak [tidak], leceh.

**MM: Okay [baiklah] jadi saya nak bertanya lagi lah di man[mana] pak cik bersekolah sewaktu sekolah rendah dahulu?**

ES: Sekolah Kebangsaan Bukit Lintang.

**MM: Di di mana ye?**

ES: Di sini je[sahaja]. [Di kawasan Telok Mas, Melaka]

**MM: Di sini je. Okay [baiklah] berapa keputusan - UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]?**

ES: Masa tu [itu] pak cik belum ada UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]. Pak cik terus amik [ambil] LCE[Lower certificated of Education]

**MM: Okay[baiklah] LCE.**

ES: Lepas LCE [bunyi motosika] baru dia sebut SRP[Sijil Rendah Penilaian]. [bunyi ayam berkokok]

**MM: Haaa ye. [mengangguk] [bunyi ayam berkokok]**

ES: Pak cik ada LCE sahaje[sahaja]. [ bunyi ayam berkokok]

**MM: Okay [baiklah] jadi - di mana pulak [pula] pak cik bersekolah menengah dahulu?**

ES: Pak cik sekolah menengah di Sekolah Seri Mahkote [Mahkota]. Umbai. Jalan Merlimau tu [itu][berada di jalan menuju ke Merlimau]. Seri Mahkota.

**MM: Dari tingkatan satu**

ES: Dari tingkatan satu sampai[sehingga] ke tingkatan lima.

**MM: Ohh tingkatan lima. Jadi , jadi - apakah pencapaian lain yang pak cik ade [ada] waktu di sekolah menengah dahulu? Mungkin pak cik dari segi sukan. Mungkin pak cik aktif dalam - kokurikulum - dan sebagainye[sebagainya]?**

ES:Pak cik dalam sokan [sukan] pak cik aktif bola sepak dan pernah menjadi ketua bola sepak [bunyi kereta lalu] sekolah. Dan pernah mewakil[mewakili] sekolah-sekolah negeri Melake [Melaka].

**MM:Jadi - waktu sekolah menengah - pak cik telah habiskan SPM [Sijil Penilaian Menengah] di sekolah yang same[sama]. Jadi waktu tu [itu] berapa keputusan yang pak cik capai waktu peperiksaan terakhir tu[itu] lah kan. Waktu SPM [Sijil Penilaian Menengah]**

ES:SPM [Sijil Penilaian Menengah] pak cik dapat gred due[dua].

**MM:Okay - selepas - pak cik menamatkan - pengajian di sekolah tersebut selepas SPM [Sijil Penilaian Menengah], pak cik ade[ada] menyambung pelajaran di mane-mane [mana-mana] institusi?**

ES: Tak [tidak] de [ada]. Tak [tidak] de [ada].

**MM: Berape[Berapa] orang adik-beradik yang pak cik ade[ada]?**

ES: Yang ade[ada] sepuluh orang. Nak [hendak] cerite[cerita] kita tu[itu] adik beradik ramai. [ketawa] Tujuh belas, yang ada sahaja sepuluh. Tapi dah meninggal satu dah tinggal sembilan lah.

**MM:Jadi pak cik anak ke berape[berapa]?**

ES:Pak cik anak yang ke lapan.

**MM:Okay[baiklah] - pak cik tak[tidak] menyambung pelajaran selepas daripada sekolah. Jadi - apa yang pak cik buat selepas daripade[daripada] menamatkan pengajian di sekolah?**

ES: Pak cik tolong bapak[bapa] meniaga lembu, meniaga daging, selama , selama enam tujuh tahun lah. Pak cik belajar meniaga pulak[pula].

**MM: Okay[baiklah] jadi - secare[secara] - mendalam apakah pekerjaan pertama pak cik lah.**

ES:Pekerjaan pertame[pertama] pak cik tulah[itu lah] pak cik berniaga.

**MM:Berniaga. Jadi di usie[usia] berape[berapa] pak cik dah[sudah] mule[mula] bekerje[bekerja].?**

ES:Usie[usia] pak cik dua puluh satu tahun.

**MM: Dua puluh satu tahun ea. Okay[baiklah] - seterusnye[seterusnya] selepas pak cik berniaga - mungkin sebelum pak cik dapat kebolahan buat kereta lembu ni[ini] mungkin sebelum daripada tu[itu] apa lagi pekerjaan yang mungkin pak cik pernah buat sebelum ini.**

ES:Pak cik pernah bekerja sebagai navy[tentera laut]

**MM: Okay[baiklah] - pada mula - pada awal dulu pembuatan kereta lembu ni[ini] adakah memang - minat pak cik atau mungkin daripada pemerhatian ke atau sebelum ni[ini] ade[ada] waris , waris ke - ayah pak cik ke yang buat benda[kereta lembu] ni[ini]?**

ES:Mule[mula] marin[kelmarin] ayah pak cik. Pak cik mulenye[mulanya] memang tak[tidak] berminat, keje[kerja] pun apa bila bapak[bapa] suruh tu[itu[ kan selalu kene[kena] marah, memang tak[tidak] minat. Lama-lama dia suruh suruh suruh buat itu buat ini dia kate[kata] belajarlah dia kate[kata] "esok aku dah[sudah] tak[tidak] ade[ada] esok kau boleh ler[lah] buat" dia kate[kata].

**MM:Jadi , jadi - saya boleh katakan pembuatan kereta lembu ni|ini| bukan satu kehendak dan bukan lah hobi pak cik untuk minat cenderung ke arah untuk buat ni|ini| lah.**

ES: (mengangguk). Membawa kerete[kereta] lembu memang minat.

**MM:Okay|baiklah| , okay|baiklah| sebelum sebelum - seingat pak cik sebelum pak cik betul-betul dalam bidang kerete[kereta] lembu ni|ini| apakah pekerjaan terakhir yang dilakukan?**

ES:Pak cik meniage[meniaga] besi buruk.

**MM:Di mana ea**

ES: Di sini jugak[juga] [di kampung Tambak Bugis, Telok Mas, Melaka]

**MM:Di tempat ini.|Di kawasan rumah ini|**

ES:Bile[bila] pak cik mohon lesen mohon lesen, dorang[mereka] tak[tidak] luluskan lesen pak cik, tu[itu] ler[lah][lah] pak cik fed up[bosan] lah. *So*[jadi] pak cik teruskan dengan kereta lembu tu[itu] je[sahaja] sampai sekarang.

**MM:Berapa berapa lame[lama] ea masa sebelum kire|kira| dalam waktu pak cik meniaga besi buruk tu|itu| berape[berapa] lame[lama]lah baru pak cik dapatkan lesen tu|itu| baru lah boleh.**

ES:Tak[tidak] langsung dorang[mereka] tak[tidak] kasi[bagi].

**MM:Langsung tak[tidak] bagi.**

ES:Langsung tak[tidak] kasi[bagi]

**MM:Okay[baiklah].Okay[baiklah] seterusnya adakah pembuatan kerete[kereta]lembu ni[ini] menjadi sumber pendapatan utama pak cik?**

ES:Tak[tidak]de[ada] lah. [tersenyum]. Nak[hendak] cerite[cerita] kerete[kereta] lembu ni[ini] dorang[mereka]pun beli pun kita nak kate[kata] daripada ape[apa] pihak-pihak kementerian memang susah beli. Kite[kita] tinggal lagi kite[kita] suke[suka] budaya kite[kita], kite[kita] punye[punya] tu[itu] je[sahaja]

**MM:Jadi (berdehem) pak cik - ade[ada] bukan lah - bergantung hanya pada hasil daripada pembuatan ini.**

ES:Tak[tidak].

**MM:Ade[ada] kerje-kerje[kerja-kerja] lain la.**

ES: Ade[ada]

**MM:Okay[baiklah] - okay[baiklah] seterusnya - okay[baiklah] pak cik lebih gemar lebih suka menghasilkan kerete[kereta] lembu atau mengendali kerete[kereta]lembu tu[itu]?**

ES: Kedua-duanya sekali.

**MM:Kedua-duanya sekali. Mungkin pak cik boleh cerite[cerita] ape[apa] mungkin dari segi mengendali, ape[apa] kepuasan pak cik di situ dan buat tu[itu] ape[apa] kepuasan. Mungkin ada yang membuatkan pak cik pun suke[suka]. Sesuatu tu[itu[.**

ES:Kepuasan tu[itu] memang ade[ada], ade[ada] kepuasan la. Umpame[umpama] kite[kita] umpame[umpama] kite[kita] macam kite[kita] pegi [pergi] ade[ada] ade[ada] ari[hari] perayaan cam[macam] tu[itu] an[kan]. Kite[kita] hias kerete[kereta][kereta[ kite[kita] cantik kite[kita] suke[suke] kan. Walaupun duit tu[itu] tak[tidak] seberape[seberapa] yang die[dia] bagi, kite[kita] suke[suka]. Kite[kita] berlawan hati kite[kita] je[sahaja] berlawan dengan kawan-kawan ni[ini] kite[kita] berlawan kite[kita] sendiri je tapi aaa tak[tidak] de[ada]bende[benda] [tidak peduli]. Die[dia] hiaskan api die[dia] macam tu[itu], die[dia] hias-hiaskan api die[dia] waktu malam kan. Memang memang die[dia] punye[punya] pendapatan tu[itu] kerajaan kasi[bagi] tu[itu] tak[tidak] memuaskan, tinggal lagi kite[kita] suke[suka]. Die[dia] kasi[bagi] kite[kita] lima ratus, sekali pak cik pasang pasang pasang apa, api, api yang mentol bulat tu[itu] kan, sampai lima puluh bijik[biji]. Abih[Lepas] dengan wire[wayar], soket lagi abih[lepas] kadang api twinkle light[lampu kelip-kelip] tu[itu] kite[kita] itu sampai lima puluh set enam puluh set, aaaa berapa yang kite[kita] dapat. Tinggal lagi kite[kita[ suke[suka], generator[mesin generator] lagi minyak lagi.

**MM:Kadang-kadang apa yang buat tu[itu] pun tak[tidak] pulangan dia tu[itu] pun tak padan dengan apa yang.**

ES:Tinggal lagi kite[kita] suke[suka]. Kite[kita] tak[tidak] nak[hendak] benda ni[ini] pupus begitu aje[sahaja].

**MM:Jadi - bile[bila] kali pertama pak cik mengendali kereta lembu. Secare[secara] mungkin secare[secara] - seorang diri ke, mungkin sebelum ni[ini], sebab macam kite[kita] naik kerete[kereta][kereta] pun [ketawa] mule-mule[mula-mula] kite[kita] basikal la. Kite[kita] mule[mula] belajar *slow-slow*[perlahan-lahan]. Mungkin pak cik bila pak cik yang mule-mule[mula-mula] yakin boleh rase[rasa] boleh bawak[bawa] dan boleh pergi jauh ke.**

ES:Umur sewaktu tu[itu]umur pak cik dalam belasan tahun jugak[juga] la[sekitar umur 16 tahun]. Belasan tahun dulu kite[kita] sudah pergi ke Pesta Budaye[Budaya] Tanjung Kling. [bunyi barang besi jatuh]

**MM:Emm okay[baiklah] okay[baiklah] - macam pak cik cakap tadi pak cik pernah aaa pergi ke Pesta Budaya ea[ye]. Jadi - pada tahun bile[bila] tu[itu] Pesta Budaye[Budaya].**

ES:Seingat pak cik - dalam tahun tujuh puluh enam. Tujuh puluh enam[1976], tujuh puluh tujuh[1977], tujuh puluh lapan[1978] sampai ke tahun tujuh puluh sembilan[1979] benda[Pesta Budaya Tanjung Kling] tu[itu] berakhir. Kalau tak[tidak] silap pak cik lah tahun tujuh puluh sembilan bende[benda] [Pesta Budaya] tu[itu] tak[tidak] dibuat lagi.

**MM:Jadi dia[Pesta Budaya] acara tahunan la.[suara kanak-kanak bercakap]**

ES:(mengangguk)

**MM:Jadi pak cik - pergi tu[itu] sebagai kire[kira] salah satu peserta kan.**

ES:(mengangguk)

**MM:Okay[baiklah] - .**

ES:Itu pun kite[kita] under[bawah] name[nama] abang[Encik Ahmad] la. Kite[kita] mase[masa] tu[itu] baru bape[berapa] umur.

**MM:Okay[baiklah]. Seterusnya - bile[bila] pak cik - mule-mule[mula-mula] - serious[serius] dalam bidang pembuatan kereta lembu.**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

ES:Pak cik dah[sudah] serious[serius] dalam pembuatan kerete[kereta] lembu seumur pak cik umur lapan belas tahun.

**MM:Lapan belas tahun.**

ES:Balik sekolah bapak[Manan bin Ngah] suruh buat ni[ini]. Balik sekolah bapak suruh gosok dengan kertas pasir papan-papan tu[itu] ape[apa]. Kadang die[dia] suruh tebok[tebuk] lobang[lubang], kadang dia suruh pasang ni[ini] pasang tu[itu]. Umur lapan belas tahun.

**MM:Jadi - pak cik tak[tidak] de[ada] macam kawan-kawan yang mungkin datang sekali. [bunyi mesin rumput] Sebab selalunye[selalunya] pergi sekolah lepas tu[itu] mesti ade[ada] kawan-kawan, mungkin ade[ada] kawan-kawan pak cik yang datang aaaa sekali bersama pak cik buat kerete[kereta]lembu ke.**

ES:Tak[tidak] de[ada]. Tak[tidak] de[ada].

**MM:Okay[baiklah] - jadi - seterusnya dalam bidang pengendalian kerete[kereta] lembu pulak[pula] sejak [bunyi ayam berkokok] bile[bila] pak cik - betul-betul serius - kire[kira] beri komitmen untuk jadi pengendali kereta lembu ni[ini].**

ES:Bile[bila] acik[pak cik] dapat ni - laa[kereta lembu]. [bunyi motorsikal lalu] Pak cik boleh buat satu kereta lembu yang , yang , yang - ditunjuk ajau[ajar] oleh bapak[bapa] pak cik yang ni[ini], - tu[itu[ sampai sekarang pak cik teruskan. [bunyi motorsikal lalu] [bunyi suara kanak-kanak] Daripada umur pak cik tu[itu] lapan belas tahun, pak cik dapat buat sebijik[sebiji] yang ni[ini] [bunyi ayam berkokok] baru pak cik teruskan sampai sekarang pak cik buat. [suara kanak-kanak]

**MM:Baiklah. Bile[bila] , bile[bila] seingatlah [seingat] pak cik bile[bila] perusaan[perusahaan] perusahaan ni[ini] ini mula ditubuhkan.**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

ES: Perusahaan ni[ini] yang yelah daripada diri pak cik sendiri lah, pada diri pak cik sendiri itu yang pak cik mule[mula] berkecimpung dalam kete[kereta] lembu ni [ini] seumur pak cik lapan belas tahun. Pak cik dah [sudah] mule[mula] buat kete[kereta] lembu, pak cik mole[mula] ikot[ikut] abang ajar lembu, training[latih] lembu, pak cik dah[sudah] mule[mula] ni[ini] [mengikuti abang] potong rumput, ikot[ikut] abang potong rumput bawak[bawa] kerete[kereta][kereta] lembu.

**MM:Jadi kire|kira| - bende|benda| ni|ini| memang turun temurun dan sebati dalam hidup pak cik**

ES: (Mengangguk) [Mengiyakan kenyataan]. Pasal[sebab] bapak[bapa] pun dulu asal asal bapak[bapa] dulu bekerje[bekerja] bawak[bawa] kete[kereta] lembu. Besarkan anak- anak apa semua memang daripada hasil kerete[kereta][kereta] lembu

**MM:Okay[baiklah] - sape|siapa| yang mule-mule|mula-mula| menerajui perusahaan ni|ini|**

ES:Mule-mule[mula-mula] yang menerajui tu[itu] bapak[bapa] ler[lah].

**MM: Boleh saye|saya| katekan|katakan| aaaa perniagaan ni adalah perniagaan keluarge|keluarga| lah. Perniagaan memang warisan keluarge[keluarga] dari satu generasi ke satu generasi yang lain.**

ES: - Boleh dikatekan[dikatakan] cam[macam] tu[itu].[sambil mengangguk]

**MM:Okay|baiklah] di manekah|manakah| lokasi pertama pembuatan kereta lembu.**

ES:Ni[ini] bagi, bagi lokasi pembuatan kerete[kereta] lembu untuk saye[saya] ke. -

**MM: Untuk pak cik**

ES: Kalau pak cik punye[punya] tapi rumah tu dah[sudah] roboh [ketawa] tu ler[lah][lah] depan kemarin[kelmarin[. Acik[pak cik] mule[mula] buat. Tu[itu] ade[ada] rumah pak cik marin[kelmarin] [ayam berkokok]

**MM:Jadi di kampung ini lah**

ES: Kampung sini [Kampung Tambak Bugis] la.

**MM: Okay - Bagaimane[bagaimana] - pak cik mulekan[mulakan] perniagaan pembuatan kerete[kereta][kereta] lembu ni. Sebagai contoh mungkin bermule[bermula[ dengan - mungkin modal, apa modalnye[modalnya] bermule[bermula] daripade[daripada] sumber-sumbernya sebelum pak cik mule[mula] ade[ada]. Seperti yang pak cik ade[ada] sekarang ni.**

ES:Yang pak cik se- seingat pak cik yang kayu-kayu tu[itu] dulu pak cik buat pak cik punye sendiri. Yang mane dorang[mereka] robohkan jambatan, pak cik amik[ambil] kayu die[dia]. Kite[Kita][Saya] tau[tahu] jambatan tu[itu] kayu-kayu lame[lama]. Kayu yang tue[tua]. Kite[kita][saya] ambik[ambil], dorang[mereka] tak[tidak] pakai lagi kite[kita][saya] ambik[ambil]. Tu[itu] pak cik buat daripade[daripada] kayu-kayu macam tu[itu]. Yang berbeli tu[itu] paku jelah [ketawa] . Itu je paku.

**MM:Okay[baiklah] - dari sumber-sumber semule[semula] jadi sumber-sumber buangan macam tu[itu] pak cik mule[mula] hasilkan kerete[kereta][kereta] lembu tu[itu] sendiri la.**

ES: (mengangguk)

**MM:Pak cik - mempunyai pekerje[pekerja] ke atau pembantu untuk buat kerete[kereta][kereta] lembu.**

ES:Tak de[ada]. Ade[ada] pun sorang[seorang] ler[lah] menantu tu[itu]. Itu pun kalau bahagian *welding-welding*[kimpalan] nye[punya]. itu die[dia]. Bahagian besi punye[punya] - die[dia] buat ler[lah].

**MM:Daripade[daripada] dulu lah memang**

ES: - (mengangguk)

**MM: Memang pak cik sorang[seorang]. Daripade[daripada] mencari bahan tu buatnye[buatnya] sampai ler[lah][lah] siap**

ES: - (mengangguk) Sampai siap. Menantu baru , baru lima enam tahun juge[juga] baru ni - baru tolong. Dia boleh *welding*[kimpalan] ape[apa] semua.

**MM:Okay|baiklah| - adakah pak cik bekerjasame[bekerjasama] dengan mane-mane[mana-mana] pihak kerajaan untuk pembuatan atau promosi tentang kerete[kereta][kereta] lembu ni.**

ES: - kalau promosi memang ade[ada] kerjesame[kerjasama] la. Kalau pembuatan tu tak[tidak] de[ada] lah.

**MM:Okay|baiklah| contoh - promosi kerete[kereta][kereta] lembu yang pak cik pernah bekerjasame[nekerjasama] dengan pihak kerajaan?**

ES: Dulu mase[masa] seingat pak cik, pak cik ade[ada] bekerjesame[bekerjasama] dengan PAMA [Lembaga Pemasaran|. PAMA [bunyi motorsikal lalu] ade[ada] , ade[ada] macam mane[mana] tu[itu] nak cakap. PAMA ade bawakan tu Califomie[California] punye[punya] orang, *order*[menempah] kerete[kereta]lembu di sini. Hantar di Califomie[California].

**MM:Orang luar tu[itu] *order*[menempah] dan bawa ke**

ES: - (mengangguk) melalui PAMA

**MM: PAMA. Jadi orang dari luar tu[itu] *order*[menempah] mungkin untuk kegunaan apa ea[ye] kalau di sana**

ES:Untuk hiasan saje[sahaja]

**MM:Okay[baiklah] berape[berapa] berape banyak**

ES:Sebijik[sebiji] je.Sebuah.

**MM:Selain , selain tu**

ES:Selain tu Muzium Negare[negara]. kerete[kereta] lembu yang ade[ada] sampai sekarang tu[itu] Muzium Negara pak cik punye[punya].

**MM:Okay[baiklah] itu yang ada sekarang tu adelah[adalah] kire[kira] hasil tangan pak cik lah.**

ES:Tak[tidak]. Itu bapak punye. Pade pade[pada] die[dia] punya ni[ini] kalau tak[tidak] silap ade[ada] lagi die[dia] tulis pada palang die[dia], Manan bin Ngah. (mengangguk) die[dia] ade[dia] tertulis lagi

**MM:Arwah la**

ES:(mengangguk) arwah.

**MM:Okay[baiklah] jadi pembuatan kereta lembu ni - memang asal dari Melake[Melaka] ke**

ES: (mengangguk) memang dari Melaka.

**MM:Okay|baiklah| - jadi - pak cik - memang menghasilkan kerete[kereta][kereta] lembu |bunyi ayam berkokok| atau mengendalikan kereta lembu?**

ES:Pengendali dan menghasilkan kerete[kereta]lembu.

**MM:Jadi - berape lame mase yang diambil untuk pak cik betol , betol mahir dan belajar untuk buat kerete[kereta]lembu ni**

ES:Dalam tujuh lapan tahun juge[juga]

**MM:Tujuh lapan tahun. Dari dari siape pak cik belajar**

ES:Dari bapak, arwah bapak.

**MM:Aaaa okay[baiklah| apakah pendapat pak cik tentang bidang pembuatan kerete[kereta]lembu ni.**

ES:Senang citer[cerita] pendapat la, memang tak[tidak] de[ada] pendapat la, tinggal lagi kite[kita][saya] suke hobi kite macam tu. Kalau nak citerkan hasil carik makan dari pembuatan kerete[kereta]lembu memang payah.

**MM:Okay|baiklah| - mungkin pak cik boleh cerite[cerita] cabaran-cabaran yang pak cik lalui untuk belajar buat kerete[kereta]lembu ni[ini]. Mungkin - kite tak[tidak] tau[tahu] mungkin ada persepsi orang yang cakap apa , apa ke yang buat pak cik macam mungkin malu ke kan.**

ES:Memang ada benda tu. Yeler[lah][lah] kite maklum kan bokan[bukan] die[dia] nak bagi petunjuk bagi kite]kita]. Di, di ,di, di rendahkan kite lagi ade ler[lah]. Jadi sampai sekarang bende ni dah tinggal lagi sepuloh[sepuluh] bijik[biji] lagi sekarang kan, jadi macam kite orang desak , desak , desak Kerajaan Negeri Melaka itu hari, kite [kita]orang dah[sudah] tak de tempat ape semue baru die nampak. Kementerian Pelancongan, kite sampai pergi ke Kementerian Pelancongan baru dieorang ini, kalau tak memang ini ler[lah]. Die orang dah[sudah] keluarkan empat bulan yang lepas kite daripade Taman Buaye, kite duduk je rumah. Tak de ape. Bile kerete[kereta][kereta] lembu ni duduk je rumah je besok haa duduk berjemur tak pakai ape semue,macam rumah tak berjaga tak bertuan dengan habuk ape semua sekejap je die rosak. Haaa die roboh.

**MM:Okay[baiklah] aaa okay[baiklah] mungkin itu sedikit cabaran yang pak cik lalui lah. Jadi saye nak tanye ape ape menariknye mesti ade menariknya bidang pembuatan kerete[kereta][kereta] lembu ni, membuat pak cik rase memang menarik macam menarik lah.**

ES:Dulu dulu memang ade itu menarik die. Dulu pak cik buat bapak sedare saye pun ade buat, Samsudin punye bapak. Haaa die pun ade buat. Memang daripade tu memang ni berlawan lah haaa kite buat macam ni ni karang die buat macam ni. Kita buat cam ni[macam ini] dia ikot kita punya macam ini. *Last last*[akhirnya] kite punye bile die dah[sudah] orang mengenali die sikit demi , sikit demi , sikit demi , sikit, yang sebetol-betol ni buat kerete[kereta]lembu rode[roda] ape semue, tenggelam gitu.Orang yang tak[tidak] berkenaan ke timbul ape ape punction[funtion][majlis] panggil Shamsudin. Haaa ape ape hal itu haa panggil. Kita kita yang pengusaha kerete[kereta][kereta] lembu ni ikot[ikut] telunjuk die[dia] je[sahaja]. Die kata okay pesta sungai nak pakai, pesta air nak pakai. Kite[kita] tanye[tanya] berape, empat ratus - kite dengan api malam ape semua empat ratus. Kite tau[tahu] bende[benda] tu[off record]

**MM:Jadi - di mane kat mane tempat kire premis untuk buat kerete[kereta] lembu macam betoi , betoi[betol] buat satu bengkel luar atau khas**

ES:Tak de. Sini ler[lah] pak cik buat - . Tak de[ada] bengkel.

**MM:Pak cik ade[ada] dapat - tajaan dari mane , mane[mana] pihak ke mungkin pihak kerajaan ke bukan kerajaan ke atau yang persendirian**

ES:Tak ade[ada].

**MM:Tak ade ea. Jadi - |bunyi motorsikal| okay|baiklah| pak cik kate[kata] kemahiran ni diwarisi daripade bapak jadi mungkin diajar pun oleh bapak pak cik.**

ES:(mengangguk)

**MM:Okay|baiklah| - adakah orang lain mungkin yang pak cik , pak cik pandang jugak sebagai contoh orang-orang yang pembuat kerete[kereta][kereta] lembu yang lain lah selain daripade ayah pak cik sendiri**

ES:Itu ler[lah] citer[cerita] bapak si Sham[Shamsudin] [Encik Ahmad bin Ngah] tadi, arwah arwah nye. Arwah bapak si Sham[Shamsudin]. Die pun kire bapak sedare gak la tapi kite[kita] memang tak [berdecik] die terlampau , terlampau menonjol tau[tahu]. Die[dia] menonjol pade diri die tu tak pasal ler[lah],kite tak cerite ler[lah]. Tentang keburukan tu[itu], kebaikan dan keburukan kite yang , yang - buruknye[buruknya] die[dia] yang baik -.Tu[itu] yang pak cik tak[tidak] bape[berapa] sesuai dengan dieorang[mereka].

**MM:Jadi - selain , selain keluarge[keluarga] pak cik iaitu anak pak cik, ade[ada] orang lain yang berade[berada] dalam bidang ni[ini] jugak**

ES:Tak[tidak] ade[ada] lagi. Tak[tidak] de[ada]. Itu pak sedar aritu[hari itu] hari dah[sudah] meninggal, dah[sudah] tak de lagi lah. Tinggal pak cik sorang[seorang] jelah.

**MM:Siape ea bapak sedare pak cik**

ES:Abdol bin Kassim

**MM:Abdol bin Kassim. Okay|baiklah|. Okay|baiklah| - jadi tempat premis bagi pak cik buat kire[kira] bengkel untuk buat kerete[kereta]lembu berhampiran rumah pak cik lah.**

ES:(mengangguk) berhampiran

**MM:Mungkin ada sebab-sebab mungkin kenape[kenapa] pak cik pilih dekat sini tempat ni |menunjukkan kawasan sekeliling| jadikan tempat buat kerete[kereta]lembu**

ES:Kang[nanti] kite[kita] nak sewe[sewa] menyewe[menyewa] kang[nanti] kita tak[tidak] , tak[tidak] de[ada] tak mampu bayar. Lebih baik tempat macam ni[ini]. Kita kerete[kereta]lembu bak[macam] kate[kata] kite[kita] cakap tadi kite pun kerete[kereta]lembu bukannya selalu ada orang *order*[tempah]. Baik kite duduk macam ni - kat tempat kite suka kita buat, kita buat. Bile ade order kita buat.
Kadang kita nak bayar kos letrik[elektrik] kita nak bayar kos itu, sewe[sewa] , sewe[sewa] bangunan ape[apa] semue kan

**MM:Senang kalau makan ke dekat dengan rumah**

ES:Haaa dekat dengan rumah

**MM:Boleh rehat rehat (ketawa). Rasa nak buat boleh keluar balik buat.**

ES:(mengangguk)

**MM:Kebiasa - selalunye - sape yang ada datang melawat ke bengkel pak cik ni.**

ES:Selalunye abang [Encik Ahmad bin Manan] tu ler[lah] [ketawa]. Tak de orang lain. Adik-beradik je ler[lah].

**MM:Mungkin , mungkin orang luar**

ES:Tak ade[tidak ada].

**MM:Okay|baiklah| okay|baiklah| baik. Adekah pelancong lain. Pelancong luar mungkin pelancong luar yang tahu tempat pak cik ni dan datang |bunyi motorsikal| sendiri. Mungkin untuk tengok pembuatan atau mungkin untuk rase nak menaiki kerete[kereta]lembu**

ES:(mengangguk) datang sendiri, tak[tidak] de[ada]. Kalau melalui *tourism*[pelancongan] [Kementerian Pelancongan] ada. Datang sendiri tak ade.

**MM:Okay|baiklah| jadi aaaa aaaa pak cik ade sediakan atau tunjuk sebarang sesi demonstrasi untuk buat pembuatan kerete[kereta][kereta] lembu**

ES:(mengangguk) aritu hari ade kite buat mase mase budak budak kolej aritu datang, ada kite buat jugak. Kite buat tunjukkan macam mane, yang Berite Harian hari tu kita tunjukkan macam mana buat kerete[kereta] lembu. Macam mana kite buat dia punya *body*[badan], macam mane kita buat dia punya tempat tangkuk - itu tangkuk lembu tu[itu] kita ada tunjuk kat dia.

**MM:(mengangguk). Secara kira - cara terperinci la pak cik tunjuk satu-satu pembuatan tu**

ES: (mengangguk)satu-satu

**MM:Dari mana pak cik dapat modal nak mulakan perniagaan ni**

ES:Modal sendiri la [bunyi motorsikal]

**MM:Jadi pak cik tak de[tidak ada] terima tajaan dari sape sape atau sumbangan dari mane mane lah**

ES:Tak de[tidak ada] , tak de[tidak ada].

**MM: - pak cik**

ES:Baru baru tu hari la yang kite penerime sijil hari tu, pihak Kementerian Pelancongan ade kasi[bagi] kite seribu[RM100.00].

**MM:Sebagai ape tu**

ES:Sebagai apa penghargaan ni ye dak[betol tidak]. Penghargaan.

**MM:Di aaa pak cik ade bekerjasame dengan aaa pihak kerajaan negeri Melake ke dalam aaa warisan kerete[kereta] lembu ni. Mungkin dari segi pak cik menyalurkan aaa kalau mereke ade ape ape acare.**

ES:Buat buat masa ni kita ada apa , apa acara macam yang pak cik cerita dengan sini hari tu[itu]. Apa , apa ada ni[ini] dorang[mereka] datang kampung nak naik kerete[kereta] lembu apa semua - bahagian pelancongan la *tourism*[pelancongan] [Kementerian Pelancongan] yang uruskan kita. Kalau luar, luar punye la macam hari tu[itu] hari Berita Harian hari tu

**MM:Kementerian Pelancongan atau Kementerian Pelancongan Malaysia atau - Kementerian Melaka**

ES:Melaka

**MM:Kementerian Melaka.**

ES:(mengangguk) tapi yang kita dapat sumbangan seribu hari tu daripada Malaysia [Kementerian Pelancongan Malaysia] punya

**MM:Pelancongan Malaysia[Kementerian Pelancongan Malaysia] owwwhhh [mengangguk]. Jadi - bagaimana pula - pade pendapat pak cik dorang[mereka] [Kementerian Pelancongan Malaysia] membantu pak cik dalam promosi kerete[kereta] lembu itu dengan cara macam mana**

ES:Dulu dorang[Kementerian Pelancongan Malaysia] ade bukukan. Macam kawan pak cik yang kat[dekat] mane. Jonker Walk. Die ade buat satu buku, die edarkan. Tentang tentang pembuatan kerete[kereta] lembu ape semua. Bile kite dah[sudah] buku kan baru tourism[pelancongan] [Kementerian Pelancongan Malaysia] *tourism*[pelancongan] [Kementerian Pelancongan Malaysia] dapat tahu kita marin[kelmarin]

**MM:Jadi - pak cik - ada terlibat ke dalam pembuatan buku. Mungkin pak cik sendiri ada keluaran yang buku itu yang pak cik punye ke**

ES:Tak de. Tak de. [tersenyum] Itu ler[lah] kawan pak cik yang keluarkan dulu. Die dengan modal die sendiri ape semua.

**MM:Owhh modal die sendiri ea keluarkan sebab semate-mate[semata-mata] untuk nak promosikan benda ini nak bagi orang tahu.**

ES:(mengangguk)

**MM:Jadi - adakah pak cik sendiri - mempunyai media sosial untuk promosikan kerete[kereta] lembu. Sebagai contoh mungkin pak cik ada masukkan dalam laman web[laman sesawang], mungkin dalam Facebook, dalam-**

ES:Pak cik tak de[tidak ada] lah, orang rumah pak cik ada lah.

**MM:(mengangguk). Okay[baiklah] - seterusnya saya dapat tahu - kampung ni[ini] [Kampung Tambak Bugis] bakal diwartekan[diwartakan] sebagai kampung kerete[kereta] lembu.**

ES:Haaaa [mengangguk]

**MM: Bagaimane[bagaimana] pak cik boleh dapatkan pengiktiran pengiktirafan itu**

ES:Itu pun nak cerite pak cik dapatkan pun daripade kawan pak cik yang itu ler[lah], yang Jonker Walk yang bukukan pak cik nye[punya] tu[itu]. Tapi bende ni jadi tak jadi,wallahuhalam lah. Hari tu yang bahagian pelancongan nye, tourism[pelancongan] [Kementerian Pelancongan Melaka] nya itu hari itu dia cakap dia nak iktiraf kan sini [Kampung Tambak Bugis] sebagai Perkampungan kerete[kereta] Lembu. Haaa itu sampai tapi sampai sekarang pun tak de , tak de[tidak ada] ape cerite lagi. Ye ler[lah] bende tu maklum nak , nak proses apa semua nak melalui itu melalui ini kan.

**MM:Okay[baiklah] Pada pendapat pak cik lah, kalau ade pengiktirafan tu kan, jadi - ape die punye kebaikan yang pak cik nampak. Ape , ape yang pak cik dapat daripade daripade pandangan pak cik sendiri lah.**

ES:Pade pandangan pak cik sendiri, kalau bende[kampung] tu diiktirafkan sebagai Perkampungan kerete[kereta] Lembu, kite dapat promosikan kampung kite sendiri. Itu yang pak cik hendak kan. Kite promosikan perkampungan kite sendiri. Kite boleh perkenalkan pada pade orang orang luar, ye ler[lah] tempat lain pun ade sawah padi jugak, ape semue kan. Haa tinggal lagi kite sini ade buat aktiviti tu aktiviti ni. Kalau sawah padi, kite orang ade aktiviti naik kerbau. Kite orang ade aktiviti permainan kampung.

**MM:(mengangguk)**

ES:Kita orang ada aktiviti makanan kampung macam macam ada lah.

**MM:Jadi macam orang tahu identiti owhh sini tempat tu aaa aaa perkampungan kerete[kereta] lembu, orang kenal**

ES:Haaaa [mengangguk] [tersenyum]. Itu maksudnye

**MM:Jadi - apekah sebab - pendapat pak cik apakah sebab UNESCO[United Education Science and Cultural Organization] memilih kampung ni[ini]**

ES:Itu tak dapat pak cik aaa jawab lah. Pasal apa itu pasal hari itu hari dorang[mereka] ade ade bawakkan[bawakan] pemberite[pemberita] daripade luar negare[negara]. Macam Jepun hari tu,Thailen[Thailand].

**MM:Dorang[mereka] buat liputan kat sini[Kampung Tambak Bugis]**

ES:Haaaa (mengangguk) die orang[mereka] buat liputan sini hari tu. Kite adekan aktiviti ape semue. Macam Australie[Australia] punye[punya] hari tu, seluruh negare[negara]. Haaa itu yang dorang[mereka] nak iktirafkan Perkampungan kerete[kereta] Lembu. Kite memang bawak[bawa] die, kite tak menggunakan beca, kite tak gunekan kerete[kereta], basikal. Basikal pun ade, motor motor kite ade itu kan, tapi motor vespa lama. Haa kite cuma bawak dorang ke sane ke mari dengan kerete[kereta] lembu.

**MM:(mengangguk). Macam pak cik cakap tadi ada banyak orang luar kan.**

ES:(mengangguk)

**MM:Okay[baiklah] jadi mungkin apa yang pak cik nampak bila orang luar tu sendiri nampak budaye[budaya] ni. Ape pak cik nampak ape ape perasaan dorang bile dorang[mereka] terlibat dalam benda , benda ini sebab macam kita tahu kita sendiri yang ada warisan ini sendiri pun macam yang muda , muda [ketawa] ini pun tengok benda ini pun tak de[tidak ada] rasa - teruja ke tak de[tidak ada]mungkin orang luar kita pun nak tengok orang luar ape.**

ES:Macam orang luar itu kan dia pertama kali dia tengok, pertama kali dia rasa. Bila kite tengok macam ini macam Australie[Australia], haaa die mempunyai kerete[kereta] kuda. Dia tak[tidak] mempunyai kerete[kereta] lembu. Dia biasa kerete[kereta] kuda. Dia nak rasa macam mana naik kerete[kereta] lembu.

**MM:(mengangguk) |ketawa|**

ES:Macam kat sane dorang, makanan dorang cheese[keju] ape semue bende bende yang ni, kite kasi[bagi] die malam hari tu hari kite kasikan[bagikan] makan asam pedas[bunyi motorsikal], sambal belacan. Haaaa [ketawa] memang ler[lah] kite memang ketawekan[ketawakan] [ketawa] die. Dorang[mereka] tak[tidak] biase[biasa], tak[tidak] biase[biasa] , pedas kan. Tapi kita punya tradi[tradisi] tradisi macam itu.

**MM:Sebab kite mungkin kalau kite pergi ke tempat dorang pun, kite pun mengikot|mengikut|. Haaa |ketawa|**

ES:Haaa [mengangguk] kite pun ikot[ikut] [ketawa]. Macam ni haa mintak[minta] maaf la ni orang Kelantan. Pak cik pegi Kelantan, sebulan pak cik tak makan tau.

**MM:|ketawa| haaa |mengangguk|**

ES:Cakap terang tau[tahu] bukan kata tak makan makanan sana saya pak cik tak makan. Manis. Sampai pak cik beli kuali pak beli piuk[periuk] beli asam garam semua masak sendiri.

**MM:|ketawa|(mengangguk). Macam saya pun ada dengar kawan-kawan yang kat[dekat] sana pun dia sendiri pun belajar di sana tapi tak[tidak] , tak[tidak] dapat nak makan di sana. Tak biasa**

ES:(mengangguk) tak biasa.

**MM:Jadi - okay|baiklah| yang terakhir mungkin saya nak tanya - pak cik lah.Okay|baiklah| berdasarkan - pandangan pak cik selepas tengok semue promosi yang diadakan segala riaksi orang luar semua ni kan, apa pak cik secara , secara**

ES:Perasaan kita

**MM:Perasaan pak cik tu bila tengok benda ni. Mungkin makin lama dah[sudah] makin kurang, mungkin pudar. Ape , apa mungkin ada terdetik pak cik macam rasa**

ES:Itu pak cik ingin nak hidupkan mula , mula pak cik nak pertahankan kerete[kereta] lembu ini yang telah sudah mereka datang melihat kerete[kereta] lembu menaik menaiki kerete[kereta] lembu. Macam pak cik cerite awal tadi, dorang ade kerete[kereta] kude tapi dorang tak de kerete[kereta] lembu. Bile die dah[sudah] dorang[mereka] dapat naik kerete[kereta] lembu, seronok. Very[sangat] good[bagus]. Itu yang die ucapkan. Kite kite macam yang ade [bunyi angsa] separuh tu, kite tunjukkan pokok-pokok ubi. [bunyi angsa Die tanye kite ape, kite cabutkan kite cabutkan pokok ubi, kite cabukan ubi tu, isi tu ape, dia tanya apa. Kita dah[sudah] kene terangkan die. Haa ni ubi apa semue. Kita boleh rebus, makan. [bunyi angsa] Nanti kat tepi sawah nanti kite amik [bunyi motorsikal] kite rebus kita makan. Bawa , bawa dorang[mereka] kat[di] sawah, makan. Ubi rebus cecah[cicah] dengan sambal tumis. Dah[sudah] sedap pulak dia kata.

**MM:(mengangguk) (ketawa)**

ES:(ketawa)

**MM:Kalau benda itu bukannya ada kat[dekat] mana , mana. Kita kena jaga**

ES:Kita kena jaga lah. [bunyi angsa]

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

**MM:Kita tak[tidak] jaga, tak ade[tidak ada]. Benda tu[itu] dah[sudah], kedepan nanti bukan untuk orang untuk kita generasi akan datang pun tak[tidak] dapat guna**

ES:Untuk generasi akan datang (mengangguk) (tersenyum)

**NFA : Jadi pak cik ade [ada] name [nama] lain selain kerete [kereta] lembu?**

ES : Tak de la [tiada]

**NFA : Jadi memang panggil die [dia] kerete [kereta] lembu lah kerete [kereta] lembu ni [ini] - sejarah pembuatan die [dia] tu [itu] datang daripade [daripada] mane [mana]?**

ES : Pembuatan dia asalnye [asalnya] kerete [kereta] lembu ni daripade [daripada] India. Pade [Pada] zaman zaman Jepun dulu memang digunekan [digunakan] kerete [kereta] lembu ni. Kebanyakannye [Kebanyakannya] yang pembawak [pembawa] kerete [kereta] lembu ni [ini] India. Pasal [Kerana] India banyak pelihare [pelihara] lembu kan die [dia] dapat die [dia] boleh dapat hasil daripada tu [itu]. Tarik ubi, tarik beras,tarik pasir [digunakan untuk mengangkut]

**NFA : Jadi asalnye [asalnya] die [dia] memang datang daripade [daripada] daripade [daripada] India then [kemudian] orang melayu kite [kita] belajar daripade [daripada] diorang lah [mereka]. And then [Selepas itu] bile [bila] bile [bila] die [dia] start [mula] gune [guna] kerete [kereta] lembu ni [ini] di Melake [Melaka]?**

ES : Itu daripade [daripada] - tak [tidak] tahu daripade [daripada] Jepun mari [datang] tahun berape [berapa] - daripade [daripada] zaman Jepun dah gunekan [gunakan] kerete [kereta] lembu.

**NFA : Pade [Pada] zaman jepun la die [dia] start [mula] gune [guna] dekat [di] Malaya la maksudnye [maksudnya] di Melake [Melaka] khususnye [khusunya]. Ape [Apa] panggilan lain untuk orang yang mengendalikan kerete [kereta] lembu tu [itu]**

[ini] kite [kita] tak reti kite [kita] reti tapi kau punye [ punya] tajuk tu [itu] kite [kita] bace la kite [kita] dapat bace [baca] Melake [Melaka] Bandaraye Bersejarah ape [apa] yang sejarah die [dia] Melake [Melaka] – Melake [Melaka] Bandaraye Bersejarah Warisan Dunie [dunia] kau nak memperkenalkan negeri kite [kita] negeri kite [kita] ni [ini] Melake [Melaka] kepade [kepada] mate [mata] dunie ape [apa] kau tunjukkan ade [ada] tengok rancangan tv[televisyen] yang petang tu [itu] ape [apa] Melake [Melaka] ade [ada] masuk tak dalam. Sabah Sarawak die [dia] ade [ada] buatkan satu khas rancangan Johor ade [ada] Melake [Melaka] je tak ade [tiada]

Off Record

**NFA : Jadi pak cik apekah [apakah] ciri – ciri yang perlu ade [ada] untuk memlilih lembu untuk digunekan [digunakan] di kerete [kereta] lembu**

ES : Ciri – ciri tu [itu] susah kite [kita] nak ceritekan [ceritakan] kite [kita] nak tengok macam orang tukang yang kaki rajin kaki malas yang tak mau dengar kata

**NFA : Kalau lebih macam spesifik sikit la untuk pilih lembu tu [itu] macam mane [mana] ?**

ES : Kite [kita] tengok juge [juga] daripade [daripada] orang cakap pusau die [dia] susuk badan die [dia] kaki tangan die [dia] sewaktu berdiri kaki tangan die [dia] sewaktu berjalan capik tak die [dia] berjalan kalau berjalan bersepah je kite [kita] nak itu

**NFA : Dari segi jenis lembu pulak ade [ada] jenis – jenis tertentu ?**

ES : Ade [ada]

**NFA : Apekah [apakah] jenis – jenis lembu yang digunekan [digunakan] untuk kerete lembu ?**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

ES : Yang setahu pak cik la zaman – zaman dulu punye [ punya] sebutan macam lembu siam siam yang besar punye [ punya] bukan jenis keke jenis besar macam abang tu punye [ punya] yang tanduk die [dia] panjang ni [ini] kan baka macam tu yang kite [kita] cari

**NFA : Kalau lebih spesifik jenis bake |baka| apekah |apakah| yang biasanye |biasanya| dipilih ?**

ES : Itu le [Begitulah]

**NFA : Name |nama| – name |nama| die |dia|**

ES : Ituleh [itulah] siam yang besar punye [ punya]

**NFA : Daripade |daripada| mane |mana| pak cik dapatkan lembu tu |itu|**

ES : Kite [kita] kadang – kadang kite [kita] pelihare lembu de macam lembu betina kahwin dengan lembu ni [ini] die [dia] dah kacuk – kacuk tu [itu] boleh dapat kalu macam siam dengan siam tu [itu] dia tak boleh jadi kite [kita] kacuk – kacuk kan

**NFA : Jadi boleh dikatakan seperti ape |apa| yang pak cik maklumkan tadi cakap macam lembu – lembu yang pak cik ade |ada| ni |ini| memang lembu pak cik sendiri la bukan lembu yang pak cik beli khas untuk bawak kerete lembu**

ES : Tak

**NFA : Jadi ini adalah hasil ternakan pak cik sendiri. Seperti yang saya maklum tingkah laku lembu itu sendiri juge |juga| merupekan salah satu ciri yang perlu ade |ada| pade |pada| lembu. Tingkah laku yang macam mane |mana| tu |itu| yang pak cik tengok**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

ES : Itu lah perangai die [dia] macam macam tadi die [dia] tak pernah tengok orang baru tadi kan die [dia] mesti ni [ini] tapi macam kite [kita] ni [ini] dah biase die [dia] tak kasar macam lembu yang kuning tapi die [dia] budak lagi pemikiran tu [itu] belum matang die [dia] budak lagi kalau macam yang hitam tu [itu] ade [ada] umur die [dia] diam je

**NFA : Kebiasaanye lingkungan umur lembu tu [itu] boleh digunekan [digunakan] untuk kerete lembu?**

ES : Umur due tahun start due tahun baru kite [kita]baru training die [dia] die [dia] tak terlampau budak

**NFA : Due tahun tu [itu] die [dia] punye [ punya] saiz dah cukup elok lah bawak kerete lembu. Bagaimane [mana] pulak daripade [daripada] segi jantina lembu itu sendiri apekah [apakah] jantina itu memainkan pernana untuk pemilih lembu untuk kerete lembu**

ES : Kite [kita] nak itu kalau betine die [dia] tak boleh die [dia] [dia] mesti nak jantan sebab betine die [dia] tak kuat

**NFA : Jadi memang semuanye gune [guna] lembu jantan. Kenape [kenapa] atas sebab kekuatan die [dia] sahaje?**

ES : Ha kekuatan die [dia]

**NFA : Ade [ada] faktor – faktor lain jugak [juga] tak ?**

ES : Tak ade [Tiada]

**NFA : Kebiasaannye berapekah [berapakah] mase yang diperlukan pak cik untuk melatih seekor lembu**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

ES : Dalam lime enam bulan jugak [juga] la seekor lembu baru die [dia] boleh dengar kite [kita] punye [ punya] cakap kite [kita] suruh pergi sini die [dia] ikut kite [kita] pergi tepi die [dia] pergi tepi kite [kita] suruh berhenti die [dia] boleh berhenti ha lima enam bulan itu pun tengok yang tak degil la kalau degil die [dia] tak boleh ler mahu panjang lagi mase die [dia].

**NFA : Kaedah yang digunekan [digunakan] untuk melatih seekor lembu?**

ES : Pak cik pade [pada] diri pak cik kaedah itu dengan kite [kita] signal mulut juge [juga] kite [kita] macam kite [kita] bercakap dengan die [dia] itu juge [juga] kalau kite [kita] suruh diam kite [kita] cakap mmacam tadi dei nak tanduk korang pak cik cakap haip die [dia] dah diam

**NFA : Selain pak cik la ade [ada] ke faktor lain yang boleh membantu untuk melatih lembu tu [itu] sendiri**

ES : Faktor yang macam mane [mana] ?

**NFA : Membantu dalm melatih lembu yang nak digunekan [digunakan] untuk kerete lembu seperi yang saya sedia maklum lembu itu sendiri lembu yang sudah biasa digunekan [digunakan] itu sendiri digunekan [digunakan] untuk melatih lembu yang lain**

ES : Ha sebagai cikgu wajib la maksudnye sebab kalau kite [kita] kenakan dua – duea baru memang tak boleh jadi die [dia] akan pergi ke tepi ke tengah ke tepi ke tengah die [dia] dua – dua tak tahu jalan mane [mana] satu silap – silap kite [kita] pun entah ke mane [mana] pasal takde cikgu

**NFA : Mungkin pak cik boleh ceritakan dengan lebih spesifik macam mane [mana] lembu tu [itu] menjadi cikgu kepade [kepada] yang baru nak dilatih**

ES : Ye la yang jadi cikgu tu [itu] die [dia] dah bertahun – tahun kerje die [dia] dah biase die [dia] pun dah tahu kite [kita] cakap pun die [dia] di sini die [dia] dah ikut

sini macam die [dia] latih yang budak baru tu [itu] yang tu [itu] degil lagi melonte le ape [apa] le die [dia] boleh tahan kalau due – due baru die [dia] melonte kite [kita] mane [mana] boleh tahan die [dia] [dia] due – due besor daripade [daripada] kite [kita] itu stu kegunaan die [dia] tu [itu] die [dia] ade [ada] cikgu die [dia] [tu [itu]

**NFA : Jadi kebiasaanye lembu yang dijadikan cikgu ni [ini] umur die [dia] berape [berapa]**

ES : Umur die [dia] ye le macam hitam yang tengok tu [itu] umur die [dia] die [dia] belajar bawak kerete daripade [daripada] die [dia] lapan due tahun sekarang umur die [dia] dah lapan tahun

**NFA : Sebelum die [dia] jadi cikgu tu [itu] jangke mase die [dia] tu [itu] lame tak yang membolehkan kite [kita] lepaskan die [dia] untuk jadi cikgu kepade [kepada] lembu yang baru**

ES : Lame kadang – kadang cikgu pun ade [ada] sungguhpun die [dia] dah lame ade [ada] tak boleh jadi cikgu jugak [juga] die [dia] ikut suke hati die [dia] je die [dia] tak boleh layan die [dia] tak mau layan ni [ini] orang baru die [dia] tak mau ajau [ajar]

**NFA : Kalau macam untuk bawak kerete lembu tu [itu] due – due tu [itu] kan jadi lembu yang biase digunekan [ digunakan] ataupun pak cik kan letak yang lame dan satu yang masih baru lagi**

ES : Itu kite [kita] tengok kalau kite [kita] nak letakka yang betul – betul baru tu [itu] kite [kita] tengok yang baru tu [itu] dah pandai baru kite [kita] boleh letakkan die[dia] bersama yang lame kalau misal kate satu baru tu [itu] satu lame misal kate kite [kita] jalan tu [itu] daripade [daripada] sini ke Bandar Hilir yang lame yang baru ni [ini] die [dia] tak boleh tahan die [dia] tak tahan die [dia] belum pandai tu [itu] nafas die [dia] ape [apa] semue macam kite [kita] tak pernah kite [kita] dah lame tak main bola tibe – tibe kite [kita] berlari memang pancit

**NFA : Berdasarkan pengalaman pak cik sesebuah kerete lembu yang mengandungi due ekor lembu ni [ini] boleh berjalan berape [berapa] jauh ?**

ES : Lebih kurang lime belas kilometer la enam belas

**NFA : Lime belas kilometer tanpe henti ?**

ES : Tanpe henti

**NFA : Jadi lime belas kilometer tu [itu] selalunye akan mengambil mase berape [berapa] lame [lama] ?**

ES : Dalam satu jam lebih. Kite [kita] balik daripade [daripada] Ayer Keroh hari tu [itu] satu due jam due jam daripade [daripada] Ayer Keroh ke Bukit Lintang

**NFA : Jadi lime belas kilometer dalam mase due jam. Jadi dari segi penjagaan lembu tu [itu] pulak berapekah [berapakah] bagaimane [bagaimana] pulak rutin harian pemakan lembu tu [itu] yang digunekan [digunakan] untuk membawe kerete lembu**

ES : Rutin makanan die [dia] [dia] kite [kita] selalu bagi makan die [dia] satu hari satu kali tapi dlam satu kali satu hari tu [itu] makan tu [itu] secukup – cukupnye pagi takde la memang kalu pagi pun die [dia] ragut –ragut rumput kat luar tu [itu] petang je kasi die [dia] makan ni [ini] secukup – cukupnye

**NFA : Bagaimane [bagaimana] pulak dengan makanan sampingan untuk lembu?**

ES : Die [dia] [dia] takde makanan sampinagn itu kite [kita] kasi makan rumput kadang – kadang pagi kite [kita] tambah tu [itu] die [dia] [dia] ragut – ragut rumput tu [itu]

**NFA : Die [dia] [dia] tak ade [ada] pak cik bagi vitamin ke**

ES : Vitamin itu vitamin kite [kita] kasi kite [kita] tengok daripade [daripada] selere makan die [dia] [dia] tu [itu] kalau die [dia] dah kurang selere makan kite [kita] baru kasi

**NFA : Kire [kira] vitamin tu [itu] hanye untuk menaikkan selere tu [itu] je la bukan menambahkan kecergasan die [dia]**

ES : Kalau yang kecergasan die [dia] [dia] tu [itu] lain

**NFA : Macam mane [mana] pulak nak melebih mantapkan lagi kecergasan lembu tu [itu]**

ES : Itu bukan pak cik nak cakap la itu banyak yang kau kene belajar nanti (ketawa) tapi die [dia] ade [ada] kaedah yang tertentu die [dia] la itu pade [pada] pak cik yang buat sendiri (ketawe)

**NFA : Selame [selama] pak cik berade [berada] dalam bidang mengendalikan kerete lembu ni [ini] pernah tak pak cik merasekan ingin berhenti untuk meneruskan pengendalian kerete lembu ini?**

ES : Tak ade [Tiada] rase pak cik pasal pak cik bekerje pun Sabtu Ahad pak cik terfikir juge [juga] nak bawak juge [juga] kerete lembu juge [juga]

**NFA : Jadi perasaan sentisa nak bawak tu [itu] juge [juga] keseronokan die [dia] [dia] tu [itu] juge [juga] takkan habis**

ES : Ha takkan habis kadang – kadang macam ini ha tak de ape [apa] kerje kite [kita] boleh sanggup kenekan lembu pergi jalan sane kite [kita] pusing ha balik

**NFA : Kire [kira] pak cik boleh dikatekan dah sebati lah dengan kerete lembu**

ES : Ha dah sebati

**NFA : Seronok daripade [daripada] kecil. Pade [Pada] pendapat pak cik sendiri kenape [kenapa] kite [kita] harus mengekalkan warisan kerete lembu ni [ini]**

ES : Itu macam pak cik cerite [cerita] tadi kite [kita] mesti kekalkan kite [kita] patut kekalkan sebab negeri kite [kita] ni [ini] bertaraf dunie warisan dunie itu yang kite [kita] warisan kite [kita] kite [kita] kekalkan kite [kita] pertahankan itu lah matlamat pak cik

**NFA : Jadi kalau diberi peluang apakah yang pak cik akan ubah tentang kesedaran rakyat mengenai kerete lembu?**

ES : Kite [kita] pun nak cakap macam tu [itu] kesedaran rakyat pun susah diorang pun anak – anak diorang pun dah belajar tinggi – tinggi diorang dah tak berape [berapa] pandang dah tu [itu] semue kite [kita] susah sikit

**NFA : Atau dari segi pandangan pendapat pak cik langkah yang macam mane [mana] pihak kerajaan kite [kita] yang secare khususnye perlu ambil untuk meningkatkan lagi promosi tentang kerete lembu**

ES : Meningkatkan lagi promosi tentang kerete lembu ni [ini] kite [kita] kalau boleh la kite [kita] didik generasi mude ni [ini] kite [kita] ajar die [dia] [dia] kite [kita] buatkan keychain kite [kita] buatkan kerete lembu kecil – kecil ye dak umpame macam tu [itu] ( sambil menunjukkan replika kereta lembu yang berada di atas meja di dalam rumahnya ) replika itu semue akan ade [ada] duit pade [pada] diorang tinggal lagi diorang tak nampak diorang rajin belajar bukan banyak nau modal yang plywood sekeping plywood tu empat belas eh empat kali lapan kaki berape [berapa] banyak kerete lembu yang boleh direke cipte yang besar – besar punye [ punya] ni [ini] berape [berapa] banyak tapi diorang tak Nampak macam pak cik cakap hari tu [itu] diorang kasi pak cik mesin umum – umum lepas perasmian seminggu diorang angkat balik

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

**NFA : Mungkin ade [ada] langkah – langkah yang pihak kerajaan perlu betulkan sikit menegnai kesedaran warisan ni [ini]. Jadi kata – kata akhir pak cik mengenai warisan itu sendiri di Negeri Melake [Melaka]**

ES : Macam mane [mana]?

**NFA : Harapan pak cik sendiri terhadap Warisan Kerete Lembu di Melake [Melaka]**

ES : Harapan pak cik jangan lah kerete lembu ni [ini] dihapuskan disishkan kalau ade [ada] ape [apa] – ape [apa] perayaan tu [itu] panggil kite [kita] sedie [dia] bukan kite [kita] nak mengharapkan kite [kita] nak mengharapkan bayaran yang semahalnye tapi macam pihak penganjur pun bertimbang rase le memadai bukan kite [kita] mintak macam tujuh lapan ribu ape [apa] semue

**NFA : Jadi terime kasih pak cik Sulaiman kerane sanggup berkongsi banyak tentang pembuatan kerete lembu dan juge [juga] pengendalian kerete lembu. Terime kasih**

ES : Same – same[sama-sama]

# LOG TEMUBUAL

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

| MASA | PERKARA | ISI |
|---|---|---|
| **00:00** | Latar belakang tokoh | -Menetap di Melaka sejak lahir<br>-Dilahirkan pada 1964<br>-Sudah menetap selama 52 tahun di Melaka<br>-Merupakan anak jati Melaka |
| **1:07** | Maklumat tentang keluarga tokoh | -Berkahwin dengan Puan Maimunah<br>-Isteri berasal dari Jeli, Kelantan<br>-Mempunyai 5 orang cahaya mata(2 lelaki, 3 perempuan)<br>-Mempunyai seorang anak angkat lelaki |
| **3:22** | Sebab menetap di Melaka | -Tiada pilihan lain untuk terus menetap<br>-Tanah yang diduduki sekarang merupakan tanah wasiat |
| **4:54** | Latar belakang pendidikan tokoh | -Bersekolah rendah di Sekolah Rendah Bukit Lintang<br>-Mengambil sijil LCE<br>-Bersekolah menengah di Sekolah Menengah Seri Mahkota |
| **6:19** | Pencapaian semasa sekolah | -Pernah mewakili sekolah dalam sukan bola sepak<br>-Menjadi ketua bola sepak untuk mewakili sekolah-sekolah negeri Melaka |
| **7:46** | Maklumat adik-beradik | -10 orang adik-beradik(anak ke 8) |

| | | |
|---|---|---|
| | | -Seorang telah meninggal |
| **8:26** | Pengalaman bekerja | -Mula bekerja seawal umur 18 tahun<br>-Membantu ayahnya, Encik Manan bin Ngah berniaga lembu dan daging<br>-Berniaga bersama ayah selama 7 tahun<br>-Pekerjaan pertama yang dilakukan ialah berniaga<br>-Juga pernah bekerja sebagai tentera laut |
| **9:45** | Kecenderungan dalam pembuatan kereta lembu | -Pada mulanya tidak berminat dalam pembuatan kereta lembu<br>-Menjadi cenderung selepas kerap diminta untuk membantu menyiapkan kereta lembu<br>-Lebih berminat dalam mengendalikan kereta lembu<br>-Mula ceburi bidang pembuatan kereta lembu selepas tidak dalam perniagaan besi buruk<br>-Pembuatan kereta lembu bukan merupakan sumber pendapatan utama<br>-Lebih menggemari mengendalikan kereta lembu.<br>-Merasakan lebih kepuasan kerana dapat menghiaskan sendiri kereta lembu |
| **14:23** | Pengalaman mengendalikan kereta lembu | -Bermula seawal belasan tahun<br>-Menghadiri Pesta Budaya Tanjung Keling pada tahun 1976-1979 |

| | | |
|---|---|---|
| | | -Menyertai sebagai peserta |
| **16:28** | Penglibatan awal dalam pembuatan kereta lembu | -Bermula seawal umur 18 tahun<br>-Semasa sekolah juga sudah sering diminta belajar tentang teknik-teknik pembuatan kereta lembu dari ayahnya sendiri<br>-Tidak ada kawan yang turut berminat dalam bidang ini untuk sama-sama mempelajari proses pembuatan |
| **17:36** | Permulaan membuat kereta lembu | -Sejak mula membantu ayanhnya secara serius dalam pembuatan kereta lembu ini bermula dari umur 18 tahun |
| **18:35** | Latar belakang perusahaan kereta lembu | -Perusahaan ini mula diterajui oleh ayahnya, Encik Manan bin Ngah<br>-Merupakan perniagaan warisan turun temurun keluarga |
| **20:13** | Lokasi pembuatan kereta lembu | -Di kawasan persekitaran rumah<br>-Bertempat di Kampung Tambak Bugis, Telok Mas |
| **20:52** | Permulaan perusahaan kereta lembu | -Menggunakan modal sendiri<br>-Kayu-kayu yang digunakan dikutip dari jambatan-jambatan yang dirobohkan<br>-Hanya mengeluarkan modal untuk membeli paku<br>-Bahan-bahan lain hanya menggunakan barang-barang terbuang atau bahan semulajadi |

| | | |
|---|---|---|
| | | -Tidak mempunyai pekerja<br>-Hanya ada seorang menantu yang membantu untuk membuat bahagian-bahagian kimpalan |
| **22:43** | Kolaberasi dengan pihak kerajaan | -Berkolaberasi untuk bahagian promosi<br>-Pernah bekerjasama dengan pihak PAMA<br>-PAMA menjadi perantara dengan pelanggan yang membuat tempahan dari California<br>-Muzium Negara turut mempamerkan hasil kereta lembu |
| **24:40** | Sejarah pembuatan kereta lembu di Melaka | -Kereta lembu yang asli di Malaysia memang berasal dari Melaka |
| **24:57** | Mempelajari cara pembuatan kereta lembu | -Mula belajar dari ayahnya sendiri iaitu Encik Manan bin Ngah<br>-Mengambil masa tujuh hingga lapan tahun untuk belajar |
| **25:50** | Pendapat tentang bidang pembuatan kereta lembu | -Menyatakan hasil pendapatan dari pembuatan kereta lembu agak susah<br>-Hanya kerana minat yang mendalam terhadap kereta l:embu membuatkan beliau kekal dalam bidang ini<br>-Cabaran sepanjang mengendalikan kereta lembu adalah operasi kereta lembu diberhentikan selama 4 bulan<br>-Selepas merayu dan mendesak pihak kerajaan, |

| | | |
|---|---|---|
| | | kemudian kereta lembu dapat diteruskan semula<br>-Sepanjang kereta lembu tidak berjalan, kereta lembu mudah rosak dan tidak ada pendapatan yang stabil |
| **31:30** | Mengenai bengkel yang digunakan untuk membuat kereta lembu | -Tidak mempunyai bengkel lain kerana tidak mampu<br>-Hanya mampu membangunkan bengkel sendiri di kawasan tanah lapang rumah<br>-Tidak pernah mendapat sebarang tajaan dari mana-mana pihak |
| **32:30** | Menimba ilmu pembuatan kereta lembu dari orang lain | -Juga belajar dari ayah saudara iaitu Encik Ahmad bin Ngah<br>-Tidak terus belajar kerana mengalami masalah tertentu<br>-Pernah juga belajar dengan ayah saudar yang lain iaitu Encik Abdul bin Ngah |
| **35:43** | Tentang sesi demonstrasi pembuatan kereta lembu | -Menyediakan sesi demonstrasi untuk pelajar-pelajar kolej tentang cara pembuatan<br>-Juga buat untuk pihak media membuat liputan mengenai warisan dan proses pembuatan kereta lembu |
| **36:26** | Modal memulakan perusahaan | -Menggunakan modal sendiri sepenuhnya<br>-Tidak menerima sebarang tajaan atau pinjaman<br>-Hanya menerima wang penghargaan atas pengiktirafan sebagai aktivis kereta lembu dari |

| | | |
|---|---|---|
| | | Kementerian Pelancongan Malaysia |
| **37:20** | Medium promosi | -Kementerian Pelancongan Negeri Melaka banyak memberi pertolongan<br>-Bantu dalam membukukan tentang pembuatan kereta lembu<br>-Menyertai acara-acara rasmi pihak kerajaan<br>-Ada juga menggunakan media sosial untuk mempromosikan dan memperkenalkan tentang kereta lembu |
| **40:10** | Kampung Tambak Bugis bakal diwartakan sebagai Perkampungan Kereta Lembu | -Masih dalam pertimbangan Kementerian Pelancongan Malaysia<br>-Dikenal pasti melalui buku yang diterbitkan<br>-Merasakan dengan mendapatkan pengiktirafan itu dapat mempromosikan kampung kepada orang luar untuk mengetahui identiti kampung |
| **47:57** | Sejarah kedatangan kereta lembu | -Memang dikenali dengan nama kereta lembu<br>-Berasal dari India<br>-Mula digunakan di Melaka sejak zaman Jepun<br>-Kebiasaannya digunakan oleh kaum India kerana mereka memiliki banyak lembu<br>-Tiada panggilan tertentu untu pengendali kereta lembu |
| **49:23** | Jenis-jenis kereta lembu | -Hanya corak membezakan antara satu kereta lembu |

| | | |
|---|---|---|
| | | dengan yang lain<br>-Sesetengah bahagian mempunyai simbolik yang tertentu |
| **50:50** | Kegunaan kereta lembu | -Mula digunakan oleh golongan kebiasan untuk dijadikan sebagai pengangkutan untuk mengangkut barang- barang atau membawa golongan bangsawan<br>-Jenis barang yang dibawa adalah pasir, batu-batu, hasil tanaman<br>-Juga sebagai pengangkutan untuk pemilik kereta lembu itu sendiri<br>-Kegunaan pada masa kini adalah untuk industri pelancong |
| **53:03** | Kegunaan kereta lembu untuk perayaan | -Digunakan untuk pesta-pesta yang dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri Melaka dan Kementerian Pelancongan Malaysia<br>-Kebiasaanya dibayar sebanyak RM500 ke rm3000 untuk disewa selama satu malam |
| **56:40** | Masa yang diambil untuk menyiapkan sebuah kereta lembu | -Mengambil masa selama 3 bulan sekiranya dibuat secara konsisten setiap hari<br>-Setiap bahagian kereta lembu boleh dibuka dan dipasang semula<br>-Memerlukan 5 orang sekurang-kurangnya untuk memasang dan membuka kereta lembu<br>-Terdapat lebih kurang 17 |

| | | |
|---|---|---|
| | | bahagian pada kereta lembu |
| **62:52** | Penerangan mengenai bong | -Fungsinya menarik besi yang diletakkan pada pasang<br>-Menggunakan jenis kayu resak |
| **63:29** | Penerangan mengenai tongkat | -Digunakan untuk menahan kereta lembu dari bergerak ketika tidak berjalan<br>-Mengelakkan dari kereta lembu menjadi tertunam iaitu tidak stabil<br>-Menggunakan kayu hutan yang biasa |
| **64:15** | Penerangan mengenai tempat duduk | -Keluasannya adalah 7x9 kaki<br>-Boleh memuatkan dalam 6 orang penumpang |
| **65:15** | Penerangan mengenai papan | -Ukurannya ialah 18 inci untuk tinggi dan kelebarannya tidak sama untuk setiap bahagian<br>-Kelainan pada saiz kelebaran itu membuatkan kereta lembu nampak lebih cantik |
| **66:40** | Penerangan mengenai gantang | -Fungsi sebagai menahan balak di bahagian hadapan kereta lembu<br>-Menggunakan kayu temusu<br>-Memilih kayu temusu kerana tidak mudah pecah dan retak |
| **67:28** | Penerangan mengenai roda | -Mengambil masa 1 bulan untuk disiapkan<br>-Menggunakan jenis kayu resak untuk jejari dan tapak roda<br>-Digunakan kerana kalis air dan lebih tahan lasak<br>-Terdapat 14 jejari di setiap |

| | | |
|---|---|---|
| | | roda<br>-Melambangkan 14 buah negeri dalam Malaysia<br>-Mempunyai ukuran tertentu untuk setiap lengkang |
| **69:47** | Penerangan mengenai bantal | -Berfungsi untuk mengalas antara peti dan balang<br>-Menggunakan kayu leban |
| **70:10** | Peneranan mengenai pasang | -Berfungsi sebagai bahagian yang digunakan untuk mengawal lembu<br>-Menggunakan kayu jenis leban tanduk<br>-Kayu leban tanduk boleh bertahan lama |
| **71:18** | Penerangan mengenai pemilihan bilangan lembu | -Kebiasaanya menggunakan 2 ekor lembu, namun ada juga yang menggunakan seeokor lembu sahaja<br>-Tetapi yang menggunakan seekor lembu itu dipanggil pedati<br>-Menggunakan jenis tali benang untuk menarik lembu kerana lebih selesa untuk digunakan |
| **74:45** | Penerangan mengenai atap | -Dikenali sebagai atap atau kajang<br>-Diperbuat dari buluh, besi atau kayu kelat dan daun rumbia<br>-Reka bentuk atap melambang rumah minang di Negeri Sembilan |
| **76:05** | Penerangan mengenai peti | -Peti digunakan untuk menahan barang yang diletakkan dari jatuh dari kereta lembu<br>-Menggunakan kayu hutan yang lembu |

| | | |
|---|---|---|
| | | -Tidak mempunyai jenis-jenis peti atau bentuk<br>-Mengambil masa lebih kurang 2 minggu |
| **78:38** | Bahagian-bahagian utama dan sukar pada kereta lembu | -Jenis-jenis kayu dipilih bersesuaian dengan kegunaan bahagian tertentu<br>-Roda merupakan bahagian yang paling lama dan sukar untuk disiapkan<br>-Ini adalah kerana setiap ukuran pada bahagian pada roda akan mengakibatkan roda tidak stabil dan tidak cantik |
| **80:37** | Cabam menyiapkan kereta lembu | -Dari segi tekanan menyiapkan kereta lembu akan membuatkan lebih rumit untuk disiapkan<br>-Tiada kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan |
| **81:27** | Kos pembuatan kereta lembu | -Secara ksarnya lebih kurang RM 6000<br>-Dijual semula dengan harga rm10000<br>-Harga setiap kereta lembu berbeza mengikut saiz<br>-Untuk kereta lembu yang kecil berharga RM 10000, manakala yang besar adalah RM 12000<br>-Harga hanya berdasarkan kereta lembu dan tidak termasuk lembu |
| **83:30** | Kadar sewaan | -Tidak menyediakan sebarang khidmat sewaan kereta lembu<br>-Hanya mengambil upah untuk membuat kereta lembu dan membaik pulih |

| | | |
|---|---|---|
| | | bahagian kereta lembu yang rosak |
| **84:28** | Ketahanan kereta lembu | -SEkiranya hanya digunakan untuk berjalan selama 30 hingga 40 tahun<br>-Namun sekiranya tidak berjalan, ianya mampu bertahan lebih dari 50 tahun<br>-Cara penjagaannya adalah harus sering dibersihkan dan dilapkan<br>-Bahagian roda merupakan bahagian yang paling asas untuk membuat kereta lembu bertahan lebih lama |
| **87:03** | Pengalaman peribadi sepanjang menghasilkan kereta lembu | -Kereta lembu hanya ada di Melaka<br>-Namun sekiranya ke India, terdapat banyak kereta lembu yang ada<br>-Pernah juga ke neger-negeri lain dalam Malaysia untuk mempromosi dan memperkenalkan kereta lembu<br>-Pernah mengalami kecelakaan semasa mengajar lembu<br>-Pernah mendapat permintaan membuat kereta lembu untuk koleksi persendirian<br>-Harganya mengikut kesukaran dan kehalusan ukiran pada kereta lembu<br>-Koleksi peribadi lebih menekankan kepada ketahanan kereta lembu agar dapat digunakan lebih lama |

| | | |
|---|---|---|
| | | -Sudah menghasilkan sebanyak 9 buah kereta lembu<br>-Sebanyak 8 buah kereta lembu telah dijual<br>-Pernah menghasilkan kereta lembu untuk pelanggan dari luar negara<br>-Sering menghadiri majlis-majlis kerajaan |
| **97:50** | Proses pemilihan lembu | -Memilih lembu berdasarkan pusau, susuk badan, keadaan kaki semasa berdiri dan berjalan<br>-Selalu menggunakan jenis lembu Siam yang besar<br>-Mendapatkan lembu dari hasil kacukan ternakan sendiri juga<br>-Kebiasaanya menggunakan lembu ternakan sendiri<br>-Kebiasaanya lembu yang sudah berumur 2 tahun boleh digunakan untuk kereta lembu<br>-Lembu jantan yang akan digunakan<br>-Kaedah bercakap dengan lembu juga merupakan cara untuk mengajar lembu selain menggunakan cikgu lembu untuk mengajar lembu yang baru hendak dilatih<br>-Kebiasaanya lembu yang dijadikan cikgu adalah dalam lingkungan 8 tahun<br>-Kereta lembu ini boleh berjalan sejauh 15 km dan mengambil masa selama 2 |

| | | |
|---|---|---|
| | | jam |
| **109:20** | Harapan dan pendapat tentang warisan kereta lembu | -Tidak pernah ada rasa bosan untuk membawa kereta lembu<br>-Merasakan perlu untuk mempertahankan warisan yang ada<br>-Memberi cadangan dalam meningkatkan promosi kereta lembu dengan cara mendidik generasi muda membuat cenderamata yang bermotifkan kereta lembu<br>-Berharap agar kereta lembu tidak dihapuskan, memperbanyakkan lagi acara untuk mempromosikan kereta lembu dan berharap agar pihak penganjur membayar dengan memadai. |

# RALAT

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Sewaktu temubual ini dijalankan, terdapat beberapa gangguan yang berlaku yang menyebabkan rakaman temuramah ini kurang jelas.

1. Bunyi loceng lembu
2. Bunyi kertas teselak
3. Bunyi suara isteri tokoh berbual
4. Bunyi suara anak tokoh bercakap
5. Bunyi gangguan motorsikal
6. Bunyi ayam berkokok
7. Bunyi mengetuk besi
8. Bunyi hujan lebat
9. Bunyi lembu
10. Bunyi loceng menjual aiskrim
11. Bunyi remaja kampung menyapa
12. Bunyi guruh
13. Bunyi angin bertiup
14. Bunyi atap zink terkena air hujan
15. Bunyi azan berkumandang

# RINGKASAN

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

Kami Mohd Muhaimin bin Ahmad Jaludin dan Nur Farah Amalina bt Mohamad Rujahan telah menemubual Encik Sulaiman Bin Manan yang merupakan seorang aktivis keret a lembu di Melaka. Tempat kami menjalankan sesi temubual adalah bertempat di kediaman Encik Sulaiman di Kampung Tambak Bugis, Telok Mas, Melaka. Encik Sulaiman telah dilahikan pada 31 Julai 1964 di Telok Mas, Melaka. Beliau merupakan anak ke lapan daripada 10 orang adik-beradik. Keluarga beliau sememangnya telah lama menjalankan perusahaan kerete lembu di Melaka. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Bukit Lintang dan menyambung pendidikan menengah di Sekolah Menengah Seri Mahkota.

Temubual selama 113 minit 53 saat adalah berkenaan pengalaman beliau dalam bidang pembuatan dan pengendalian kereta lembu. Beliau juga ada menceritakan proses-proses pembuatan kereta lembu, cara penjagaan serta cara untuk memilih dan melatih lembu yang akan digunakan untuk kereta lembu. Selain itu, beliau juga ada menceritakan tentang teknik mengajar seekor lembu yang akan digunakan untuk kereta lembu iaitu ianya akan diajar oleh seekor cikgu lembu yang lain dan hanya dipantau oleh Encik Sulaiman sahaja.

Sepanjang sesi temubual kualiti rakaman kami adalah sangat baik namun terdapat banyak gangguan dari segi bunyi yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana lokasi menemubual Encik Sulaiman bertempat di kawasan bengkel kereta lembu yang berdekatan dengan ternakan-ternakan beliau. Namun begitu, kesemua maklumat penting mengenai pengalaman beliau dan pembuatan kereta lembu dapat direkod dan ditranskrip dengan baiknya.

# DIARI KAJIAN

| BIL | TARIKH | PERKARA |
|---|---|---|
| 1. | 10 Mac 2015 | Pengenalan kepada subjek sejarah lisan |
| 2. | 17 Mac 2015 | Pemilihan tajuk kertas kerja |
| 3. | 17-24 Mac 2015 | Pengumpulan dan pencarian maklumat berkenaan tajuk |
| 4. | 24 Mac 2015 | Membuat pemilihan tokoh untuk ditemubual |
| 5. | 24 Mac 2015 | Pensyarah menyarankan tajuk yang baru dan mendapat kerjasama denga Perbadanan Perpustakaan Negeri Melaka(PERPUSTAM) |
| 6. | 17 April 2015 | Temujanji bersama pustakawan PERPUSTAM dan berbincang mengenai tajuk kajian |
| 7. | 17 April 2015 | Membuat temu janji dengan tokoh untuk membuat pra-temubual |
| 8. | 18 April 2015 | Melakukan pra-temubual dengan tokoh dan membuat temu janjji untuk tembual yang seterusnya |
| 9. | 19-23 April 2015 | Menjana soalan temubual |
| 10. | 25 April 2015 | Temubual bersama tokoh |
| 11. | 26 April 2015 - 15 Jun 2015 | Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama tokoh |
| 12. | 22 Jun 2015 | Tarikh penghantaran transkrip |

# SENARAI SOALAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

## SOALAN ORENTASI

1. Sudah berapa lama menetap di Melaka?
2. Berapa tahun?
3. Adakah encik anak jati Melaka?
4. Isteri encik juga berasal dari Melaka?
5. Encik mempunyai berapa orang cahaya mata?
6. Boleh saya tahu nama mereka?
7. Anak-anak encik semuanya lahir dan membesar di Melaka?
8. Adakah anak-anak encik masih belajar atau ada yang sudah bekerja?
9. Adakah anak-anak encik turut terlibat dalam bidang pembuatan kereta lembu?
10. Adalah anak encik turut bawa kereta lembu?
11. Apakah yang membuatkan encik memilih untuk menetap di sini?
12. Di manakah encik bersekolah sewaktu sekolah rendah dahulu?
13. Berapakah keputusan UPSR encik?
14. Di mana pula encik bersekolah menengah?
15. Apakah keputusan PMR dan SPM encik sewaktu sekolah menengah?
16. Adakah pencapaian lain yang encik peroleh ketika di sekolah menengah?
17. Adakah encik menyambung pengajian selepas SPM? Di mana?
18. Berapakah bilangan adik beradik encik?
19. Encik anak ke berapa?
20. Dari usia berapakah encik sudah mula bekerja?
21. Apakah pekerjaan pertama encik?
22. Seterusya apakah pekerjaan yang dilakukan?
23. Adakah pembuatan kereta lembu ini adalah salah satu hobi pada awalnya?
24. Sebelum menceburi bidang pembuatan kereta lembu,apakah kerja terakhir yang dilakukan?
25. Adakah pembuatan kereta lembu ini menjadi sumber pendapatan utama encik?
26. Encik lebih cenderung untuk menghasilkan kereta lembu atau mengendali kereta lembu?
27. Mengapa?
28. Pada bilakah encik mula serius dalam bidang pembuatan kereta lembu?

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN
NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

29. Bagaimana pula dengan bidang pengendalian kereta lembu? (sejak bila)
30. Bagaimana encik boleh terlibat dalam bidang ini?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

## SOALAN UMUM

1. Bilakah perusahaan ini mula ditubuhkan?
2. Siapa yang mula menerajui perusahaan ini?
3. Ini memang perniagaan keluarga?
4. Bagaimana encik mulakan perniagaan pembuatan kereta lembu ini?
5. Di manakah lokasi pertama pembuatan lembu?
6. Adakah encik mempunyai pekerja yang turut membantu?(tuk buat KL)
7. Adakah encik berkoleberasi dengan mana-mana pihak kerajaan untuk pembuatan atau promosi ttg kereta lembu?
8. Pembuatan kereta lembu ini memang asli dari Melaka?
9. Encik memang menghasilkan kereta lembu atau hanya pengendali kereta lembu?
10. Apakah yang membuatkan encik berminat untuk menceburi bidang pembuatan ini?
11. Dari siapa encik belajar cara pembuatan?
12. Berapa lama masa yang diambil untuk belajar?
13. Siapakah inspirasi encik dalam bidang ini?
14. Adakah ini kemahiran yang diwarisi dari sesiapa?
15. Ada sesiapa di dalam keluarga yang yang berada dalam bidang ini?
16. Apa pendapat encik tentang bidang pembuatan kereta lembu ini?
17. Apakah cabaran yang dihadapi?
18. Apakah menariknya bidang pembuatan kereta lembu ini?
19. Di manakah premis untuk membuat kereta lembu?
20. Adakah premis ini mendapat tajaan mana-mana pihak?
21. Apakah kemudahan yang terdapat di premis ini?
22. Apakah tujuan encik memilih tempat ini untuk dijadikan premis?
23. Kebiasaanya,siapakah yang datang melawat?
24. Pelancong tempatan atau asing yang lebih kerap datang?
25. Adakah encik menyediakan sebarang sesi demonstrasi pembuatan kereta lembu?
26. Dari manakah dapatkan modal untuk mulakan perniagaan ini?
27. Adakah perniaagan encik mendapat sebarang tajaan?

28. Adakah perniagaan encik berkolaborasi dengan pihak kerajaan negeri Melaka?
29. Bagaimana pula dengan cara promosi kereta lembu ini?
30. Adakah pihak kementerian ada menyediakan sebarang medium/kaedah untuk promosi?
31. Adakah encik mempunyai sebarang media sosial untuk mempromosikan kereta lembu ini sendiri?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

**SOALAN SPESIFIK**

1. Ada nama lain selain kereta lembu?
2. Dari mana sejarah pembuatan kereta lembu?
3. Sejak bila kereta lembu mula digunakan di Melaka?
4. Pada zaman bila kereta lembu mula digunakan?
5. Apakah panggilan untuk orang yang mengendalikan kereta lembu?
6. Kereta lembu ini mempunyai pelbagai jenis ke?
7. Apakah jenis-jenis kereta lembu yang ada?
8. Apakah yang membezakan jenis-jenis kereta lembu?
9. Apakah simbolik yang ada pada kereta lembu?
10. Siapakah atau golongan apakah yang mula menggunakan kereta lembu ini?
11. Apakah kegunaan kereta lembu pada masa dahulu?
12. Apakah pula kegunaannya sekarang?
13. Kebiasaanya kereta lembu ini boleh dikatakan digunakan untuk membawa barang?
14. Apakah jenis-jenis barang yang dibawa?
15. Adakah kereta lembu ini digunakan untuk sebarang perayaan?
16. Apakah perayaan tersebut?
17. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah kereta lembu?
18. Berapa lamakah masa yang diambil untuk membuka dan memasang kereta lembu yang dah siap?
19. Terdapat berapa bahagian di kereta lembu?
20. Apakah?
21. Apakah fungsi sebuah gantang?
22. Apakah jenis kayu yang digunakan untuk membuat gantang?
23. Berapakah masa yang diambil untuk siapkan sepasang roda?
24. Kayu apakah yang digunakan?
25. Berapakah bilangan jejari yang harus ada?
26. Berapakah ukuran untuk setiap sisi roda?
27. Adakah ia melambangkan sesuatu?

28. Apakah fungsi bantal?
29. Apakah kayu yang digunakan untuk membuat bantal?
30. Apakah pula fungsi pasang?
31. Kayu apakah yang digunakan untuk membuat pasang?
32. Seperti yang saya lihat saiz lembu berbeza-beza, adakah saiz pasang juga akan turut berbeza?
33. Adakah terdapat kereta lembu yang menggunakan kurang dari 2 lembu atau lebih?
34. Adakah ikatan tertentu yang digunakan untuk mengikat pasang?
35. Tali jenis apakah yang digunakan?
36. Atap kereta lembu dibuat daripada apa?
37. Adakah bahan lain yang digunakan untuk membuat atap kereta lembu?
38. Adakah nama lain yang digunakan selain atap?
39. Adakah atap itu mempunyai simbolik tersendiri?
40. Apakah fungsi peti?
41. Apakah kayu yang digunakan untuk membuat peti?
42. Adakah terdapat jenis-jenis peti?
43. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah peti?
44. Mengapakah setiap bahagian menggunakan jenis kayu yang berbeza?
45. Di bahagian manakah yang mengambil masa paling lama untuk disiapkan?
46. Apakah bahagian-bahagian utama yang perlu ada pada sebuah kereta lembu?
47. Adakah bahagian-bahagian yang sukar disiapkan?
48. Apakah dan kenapa?
49. Adakah terdapat sebarang cabaran dalam menyiapkan kereta lembu?
50. Apakah cabaran yang biasa dilalui?
51. Kebiasaannya,berapakah kos pembuatan sebuah kereta lembu?
52. Berapa pula harga yang dijual kepada pembeli?
53. Beserta lembu atau tidak?
54. Adakah harga setiap kereta lembu itu sama?
55. Apakah yang membeza harga-harga sebuah kereta lembu?
56. Ada sediakan untuk sewa harian?
57. Berapa kadar untuk sewa harian?

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN

58. Berapa lamakah sesebuah kereta lembu itu boleh digunakan atau bertahan?
59. Bagaimana cara penjagaan sesebuah kereta lembu?
60. Apakah yang dibuat dengan kereta lembu yang tidak boleh digunakan lagi atau rosak?
61. Adakah kereta lembu ini terdapat di negeri lain?
62. Adakah perbezaan di antara kereta lembu di Melaka dan negeri lain?
63. Pernahkah encik ke negeri lain untuk mempromosikan kereta lembu ini di mata masyarakat?
64. Pernahkah encik mengalami kecelakaan semasa mengendalikan kereta lembu?
65. Pernahkan encik diminta membuat kereta lembu untuk koleksi persendirian?
66. Seingat encik sudah berapa buah kereta lembu yang dihasilkan?
67. Berapa buah untuk persendirian?
68. Berapa pula jumlah untuk dijual semula?
69. Adakah kereta lembu yang dibuat digunakan di Melaka sahaja atau dipasarkan ke negeri lain?
70. Adakah kereta lembu encik pernah digunakan untuk sebarang acara-acara rasmi?
71. Apakah ciri-ciri untuk memilih lembu untuk digunakan di kereta lembu?
72. Jenis lembu apakah yang digunakah?
73. Baka apakah yang biasa dipilih?
74. Tingkah laku yang bagaimana dipilih untuk dijadikan lembu di kereta lembu?
75. Pada umur bilakah seseekor lembu itu dapat digunakan untuk kereta lembu?
76. Apakah jantina lembu yang digunakan untuk membawa kereta lembu?
77. Mengapa?
78. Berapa lama masa yang diambil untuk melatih seseokor lembu?
79. Bagaimanakah langkah yang boleh diambil?
80. Bagi pendapat encik, kenapakah kita harus mengekalkan warisan ini?
81. Jika diberi peluang, apakah yang encik ingin ubah tentang kereta lembu?
82. Apakah harapan encik tentang warisan kereta lembu?

# INDEKS

A
Anak 20-23
Atap 47, 70-71

B
Batang 46, 54- 55, 58, 72-73
Bayar 37, 51
Buruk 25, 78
Bosan 25
Bayaran 94
Bendul 55-57,60, 72
Bantal 55, 65-66
Bong 53 – 54, 58
Balak 56, 62, 65

C
Cukup 51, 88
Cantik 27, 51, 59, 62, 66, 75, 77

D
Dunia 85
Dikelilingi 64
Dekorasi 52, 76

E
Elok 59, 80, 88

F
Fed up 25

G
Gantang 57, 63, 74,

H
Harapan 93-94
Hati 27, 79, 90

J
Jatuh 82
Jalan 89 – 90, 92
Jambatan 31
Jerejak 54-55, 72

K
Kaki 69, 71, 86 ,93
Kawan – kawan 29
Kecelakaan 82
Kepuasan 27
Kayu 21, 31, 35, 55, 57, 59 - 60, 63- 64, 66 – 67, 69 – 71, 73 - 74

L
Leban 66- 67
M
Melatih 88-89
Membawa 25, 47-48, 74
Mewakili 23
Malu 34
Marah 25
Menghargai 79

N
Negara
California 3, 84,
Melaka 21-25, 49-50, 116-119, 81, 84-85, 89,
Negeri Sembilan 47, 71
Johor 47, 85
Sabah 85
Sarawak 85

P
Pekerjaan 24-25
PAMA 32-33
Promosi 93
Peti 54-55, 58-59,61, 66, 71 – 73
Pertukangan 74
Pemerhatian 24
Pesta 28, 35, 49 – 50, 79

R
Replika 84, 93

S
Sekolah 21-24, 26, 33, 43
Sewa 21, 28, 37, 49 -50, 53, 81, 86
Sakit 69 – 70
Seronok 44, 92

T
Tongkat 54, 59 – 60
Tali 69 - 70

U
UPSR 22
Utama 26, 77

V
Vitamin 92-93

W
Warisan 19, 21, 30, 39, 43, 85, 92-93

Y
Yakin 27

Z

Zaman 45 – 47, 71, 86

# LAMPIRAN

# BIOGRAFI TOKOH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## BORANG KAJI SELIDIK DOKUMENTASI LISAN

**LATAR BELAKANG**

NAMA: SULAIMAN BIN MANAN

NAMA PANGGILAN: PAK SULAIMAN

UMUR: 52 TAHUN

TARIKH LAHIR: 31/7/1964

TEMPAT LAHIR: Kg. Bukit Lintang

ALAMAT: 118, Kampung Tambak Bugis,
Telok Mas, Melaka

NO TELEFON: 012-2854820

STATUS: Berkahwin

**PENDIDIKAN**

1. DARI TAHUN 1971 HINGGA 1976 DI Sek. Keb. Bukit Lintang
2. DARI TAHUN 1977 HINGGA 1981 DI Sek. Men. Sri Mahkota
3. DARI TAHUN ________ HINGGA ________ DI ________
4. DARI TAHUN ________ HINGGA ________ DI ________

PENGLIBATAN (KURSUS, SEMINAR, PAMERAN)

| AKTIVITI | TAHUN |
|---|---|
| AKTIVIS KERETA LEMBU | 28/3/2015 |
| | |
| | |
| | |
| | |

# PERJANJIAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ....ENCIK SULAIMAN BIN MANAN....

Pada ....25 APRIL 2015....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbemya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ....................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

............................
*Pengkisah (interviewee)*

....................................
*Dekan*
*Fakulti Pengurusan Maklumat*
*Universiti Teknologi MARA*

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM**

**SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN**

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya SULAIMAN BIN MANAN

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN BIN MANAN MENGENAI WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

daripada penemubual iaitu MOHD MUHAZMIN B. AHMAD JALALUDIN dan NUR FARAH AMALINA BT MOHAMAD [illegible] Transkrip ini telah diserahkan kepada saya pada 19/5/2015

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

a) 012-285 4820 (No. tel bimbit)
b) ........................ (No. tel. rumah)
c) ........................ (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

118, Kampung Tambak Bungah, Teluk Mas, Melaka.

**Nama** : SULAIMAN BIN. MANAN

**Tandatangan** :

**Tarikh** : 19/5/2015

# GAMBAR-GAMBAR

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN



Kawasan bengkel pembuatan kereta lembu

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN




Teknik pembuatan dalam majalah Chari- Chari

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN TENTANG WARISAN KERETA LEMBU DI MELAKA**

MOHD MUHAIMIN BIN AHMAD JALALUDIN

NUR FARAH AMALINA BINTI MUHAMAD RUJAHAN


14 RONA

BH

Menyelami warisan Melaka

» Pengangkutan, peralatan dan permainan tradisional terus jadi tarikan pelancong

Keratan akhbar Berita Harian




Keratan majalah dalam majalah Arts & Crafts